


Jilid III
Bil. 34



Hari Selasa
29hb Oktober, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARUMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5593]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 5643]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 5643]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., -D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P. S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Betia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jejebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUETTZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S, B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.p. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (SUam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSU BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALL, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh),
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.U., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD, ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., pj.K.(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.M., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N. J.P (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat TUAN OUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 29hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SENJATAPI—JUMLAH
ORANG YANG DIBUNUH**

1. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah rakyat yang tidak berdosa dan negarawan yang telah berjasa telah ditembak mati dengan senjatapi (pistol dan senapang) haram oleh penjenayah dan perompak bagi tiap-tiap tahun semenjak tahun 1980. Oleh itu apakah tindakan tegas sedang diambil oleh Kerajaan, supaya kemasukan senjatapi secara haram dan penggunaannya dapat dicegah, demi untuk melindungi rakyat yang tidak berdosa dan tidak berniat jahat terhadap negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang yang dibunuh dengan senjatapi disebabkan oleh beberapa motif sejak tahun 1980 hingga September tahun ini ialah seramai 141 orang. Sementara jumlah orang yang dibunuh dengan senjatapi dalam kejadian rompak bersenjatapi pula ialah seramai 103 orang. Dari jumlah di atas tidak ada seorang negarawan pun yang menjadi mangsa.

Pihak polis dengan bantuan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah menjalankan berbagai langkah untuk mencegah kegiatan penyeludupan termasuk penyeludupan senjatapi ke dalam negara ini. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (a) menempatkan sebanyak 63 Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand;
- (b) menempatkan sebanyak 11 Unit Kawalan Kawasan (UKK) di kawasan sempadan Malaysia/Thailand yang menjalankan tugas mencegah kegiatan penyeludupan selain daripada tugas rondaan keselamatan di kawasan-kawasan terpencil;
- (c) sebagai tambahan kepada Unit-unit tersebut dua platoon Pasukan Polis Hutan turut ditempatkan di kawasan Padang Besar khusus untuk menjalankan tugas mencegah kegiatan penyeludupan;
- (d) Pasukan Polis menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan dan orang-orang yang masuk ke Malaysia dari negara-negara berjiran;
- (e) mempertingkatkan lagi rondaan dan pemeriksaan oleh Pasukan Polis Merin ke atas bot-bot di kawasan perairan Malaysia;
- (f) mendapatkan kerjasama dari Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) bagi mengadakan empat sekatan jalan raya secara

tetap di kawasan utara Semenanjung Malaysia khasnya untuk mencegah penyeludupan;

- (g) selain daripada pemeriksaan oleh anggota-anggota polis yang dibantu oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain, pagar dan tembok keselamatan juga telah dibina di sepanjang sempadan Malaysia/Thailand bagi tujuan mencegah penyeludupan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah keselamatan ini, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa kadar jenayah di negara kita telah bertambah baru-baru ini termasuk juga kejadian mencolek dan semua ini telah menjadikan orang ramai sangat bimbang tentang keselamatan mereka. Saya hendak bertanya apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang dirancangan oleh pihak polis untuk menjaga keselamatan di negara kita supaya orang ramai dapat berasa terjamin.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah diakui bahawa kes-kes jenayah yang berlaku di negara kita kebelakangan ini kian meningkat, tetapi ini adalah selaras dengan pembangunan negara kita yang begitu pesat. Walau bagaimanapun pihak polis sentiasa menjalankan rondaan-rondaan keselamatan di kawasan-kawasan yang strategik dan yang diagak sensitif.

Berkenaan dengan mangsa yang dicolek, iaitu merupakan soalan spesifik daripada Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik yang kita ada semenjak tahun 1983 sehingga tahun 1985 terdapat 43 orang mangsa dan kes-kes ini yang dilaporkan kepada polis hanya 41. Kita berjaya menangkap 64 orang dan 4 orang telah ditembak mati. Satu daripadanya telah dibenarkan dan telah pun dihukum

gantung. Ada beberapa orang lagi iaitu 22 orang yang sedang menunggu perbicaraan.

Pasukan polis telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Bertindak di Bukit Aman dan di peringkat cawangan untuk bekerjasama menyiasat kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam kes pencolekan jika dilaporkan kepada pihak polis.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah wajar sekali undang-undang ISA digunakan kepada mereka yang membawa senjata api secara haram ini supaya orang itu dapat dibunuh sebelum ianya membunuh orang lain.

Jadi mengikut siasatan dan juga rekod Polis, adakah senjata api yang dirampas oleh Polis ini terdiri daripada buatan sendiri atau yang diseludup daripada negara-negara lain? Dan jika terdapat yang diseludup berapa banyakkah bilangan penyeludupan senjata haram ini dibawa masuk ke dalam negara kita setakat ini?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri kita terdapat di negara kita beberapa Akta lagi yang diwujudkan khas untuk mencegah masalah jenayah bersangkut paut dengan senjata api iaitu Akta Senjata Api Berbahaya dan juga Akta Senjata Api Hukuman Tambahan.

Jadi pihak Kerajaan selalu menimbangkan dengan teliti satu kes yang terlibat dengan senjata api, adakah ianya perlu dibawa ataupun didakwa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun hanya Akta Senjata Api ataupun Akta Senjata Api Hukuman Tambahan sahaja.

Untuk menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat

berkenaan dengan bilangan senjata api yang telah dirampas, adalah didapati bahawa 98% daripada senjata api yang telah dirampas dimasukkan ke negara kita daripada negara jiran utara kita. Mengikut butirnya di Semenanjung Malaysia pada tahun ini sehingga bulan September, pihak Polis berjaya merampas 88 pucuk senjata api terdiri daripada 36 pistol, 51 revolver dan satu M16.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai kes rompakan bersenjata yang berlaku di negara ini, ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai rompakan bersenjata di Kota Bharu baru-baru ini di mana sejumlah wang hampir \$1 juta telah lesap. Ingin saya dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri ialah mengenai rompakan itu di mana berlakunya rompakan itu jauh dengan sempadan Thailand adalah lebih kurang 40 kilometer di mana Perompak yang menggunakan motorak dapat lepas lari melalui beberapa Balai Polis.

Jadi di sini menimbulkan keraguan orang ramai mengenai kecekapan Polis dalam tindakan mereka menyekat sesuatu rompakan yang berlaku. Saya ingin meminta penjelasan, apakah langkah pihak Kerajaan supaya perkara-perkara yang seperti ini di mana pihak-pihak yang terlibat dapat menyekat jenayah-jenayah tadi daripada melarikan diri ke sempadan Thailand yang melalui beberapa Balai Polis yang difikirkan sepatutnya dapat menyekat mereka ini daripada melepaskan diri?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat tidak akan menyebarkan cerita tentang rompakan yang berlaku di Kota Bharu di mana perompak-perompak kononnya dapat

lari daripada pihak Polis dan terus menyeberangi sempadan hingga balik ke Thailand sementara kita menunggu siasatan yang rapi yang telah dijalankan oleh pihak Polis itu.

GAJAH LIAR DI KAMPUNG DAN LADANG RISDA/FELCRA

2. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa banyak gajah-gajah liar sentiasa memusnahkan tanaman orang-orang kampung dan juga ladang-ladang RISDA dan FELCRA yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit wang Kerajaan seperti yang berlaku di Kampung Belimbing dan Kampung-kampung di pinggir Sungai Pahang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjinakkan binatang-binatang ini dan membawa mereka ke tempat-tempat yang selamat seperti Taman Negara supaya tanaman di kampung-kampung dan ladang-ladang tidak dimusnahkan. Apakah kesulitan yang dihadapi oleh Jabatan berkenaan dalam melaksanakan kegiatan ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, ya, memang ada berlakunya kerosakan atau pemusnahan tanaman oleh gajah-gajah liar di kawasan-kawasan kampung dan juga ladang-ladang RISDA dan FELCRA. Kerajaan menyedari akan masalah-masalah ini dan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara, Semenanjung Malaysia atau Jabatan Perhilitan telah menjalankan beberapa usaha untuk mengatasinya.

Jabatan Perhilitan mempunyai unit-unit khas kawalan gajah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan aduan-aduan berkenaan pemusnahan tanaman oleh gajah-gajah liar dan Jabatan tersebut

berusaha untuk menghalau gajah-gajah liar tersebut. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu di mana gajah-gajah itu terlalu liar, pihak Jabatan Perhilitan terpaksa menembak mati gajah-gajah itu. Langkah-langkah menembak mati ialah langkah yang terakhir.

Selain daripada itu, usaha juga dijalankan untuk memindahkan gajah-gajah liar ke lain-lain rizah atau santuari hidupan liar. Ini didapati sebagai suatu cara yang berkesan untuk mengatasi masalah ini tetapi operasi pemindahan ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi di samping keperluan kepakaran dan kakitangan yang terlatih untuk menjayakannya. Peruntukan kewangan untuk tujuan pemindahan adalah terhad dan urusan-urusan sedang diambil dengan pihak Kerajaan Negeri dan tuan-tuan punya ladang besar termasuk FELCRA untuk mendapatkan sumbangan kewangan bagi operasi translokasi ini. Di samping itu, pihak Jabatan Perhilitan telah mendapatkan 2 orang pakar dari India untuk melatih kakitangan-kakitangan dalam urusan menjinakkan gajah.

Dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Perhilitan telah berjaya menjalankan operasi translokasi gajah-gajah liar di Empangan Kenyir ke Taman Negara bahagian negeri Terengganu. Jabatan Perhilitan telah mengenalpastikan daerah-daerah Raub, Pekan dan Maran di negeri Pahang untuk menjalankan suatu operasi pemindahan gajah liar. Adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 53 ekor gajah liar akan dipindahkan ke Taman Negara dalam operasi ini nanti.

Jabatan Perhilitan telah memperkenalkan pagar elektrik di keliling ladang untuk menghalang ancaman gajah-gajah liar. Kaedah ini telah pun diamalkan oleh beberapa

ladang dan didapati sangat berkesan untuk mengatasi masalah gajah-gajah liar.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa masalah gajah-gajah liar adalah akibat daripada gangguan habitat asli mereka hasit daripada pembukaan tanah. Adalah wajar sekiranya sebelum sesuatu usaha untuk membuka tanah dimulakan, suatu kajian dibuat ke atas kedudukan hidupan liar serta mengambil langkah-langkah untuk menyelamatkan hidupan liar itu atau lain-lain langkah diambil dengan awal-awal lagi untuk memindahkan hidupan liar sebelum kawasan itu dimajukan.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan bahawa awal tahun ini lebih kurang 20 ekor gajah telah memusnahkan makanan di Kampung Belimbing dan perkara ini masih lagi berlaku walaupun ada rancangan-rancangan yang nampaknya amat senang dan sedap didengar tetapi tidak dilaksanakan. Yang menyedihkan kami ialah tanaman-tanaman di kampung dimusnahkan akibat daripada gajah-gajah liar ini oleh kerana mereka tidak mampu hendak mengadakan pagar karan dan sebagainya.

Adakah Kementerian bercadang untuk meminda Akta Hidupan Liar 1972/1976 ini untuk membolehkan orang-orang kampung untuk menjinakkan binatang ini supaya tidak membebankan pegawai daripada Pejabat Perhilitan dan juga menambah kewangan yang lebih banyak? Oleh kerana apabila kami memberitahu bahawa pegawai-pegawai berkenaan akan datang, biasanya setelah gajah itu lari baru datang. Jadi kita minta tindakan yang berkesan, yang berterusan ataupun ditempatkan

pegawai yang tertentu dengan senapang gajah yang berkesan duduk di tempat-tempat ini.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan hendak meminda Akta tersebut. Di sini saya hendak menegaskan bahawa, menjinakkan gajah liar ini satu perkara yang memerlukan kepakaran; orang kampung tidak ada pengalaman untuk menjalankan langkah ini.

KEBAKARAN—KERUGIAN YANG DITANGGUNG

3. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di sepanjang tahun 1984 dan sehingga September 1985, berapa banyakkah kejadian kebakaran besar dan kecil berlaku di seluruh negara dan sebab-sebabnya. Berapakah nilai kerugian yang ditanggung oleh pihak-pihak terlibat termasuk bilangan kematian. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi mengurangkan kejadian tersebut supaya tidak terus berlaku dengan berluasa sekali.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramanian): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1984 terdapat sebanyak 290 kejadian kebakaran besar yang melibatkan kerugian melebihi \$100 ribu setiap kejadian. Manakala jumlah kebakaran sepanjang tahun adalah sebanyak 5,995 kejadian dan kerugiannya pula ditaksirkan sebanyak \$201,308,456.

Sebab-sebab berlaku kebakaran adalah dipercayai berpunca dari kecuaiian membuang puntong rokok sebanyak 1,110. Kejadian disebabkan kerosakan elektrik sebanyak 805. Kejadian dan melarat daripada api sampah sebanyak 904.

Sepanjang 7 bulan dalam tahun 1985 terdapat sebanyak 156 kejadian kebakaran besar yang melibatkan kerugian melebihi \$100 ribu setiap kejadian. Manakala jumlah semua kebakaran dari Januari hingga Julai adalah sebanyak 6,645 kejadian dengan taksiran kerugian sebanyak \$140,136,042. Manakala sebab-sebab kebakaran pula adalah dipercayai berpunca dari puntong rokok 1,758. Melarat dari api sampah 1,407 dan kerosakan elektrik 486.

Nilaian harta yang dapat diselamatkan adalah sebanyak \$1,118,027,331 pada tahun 1984 \$1,666,975,624 bagi 7 bulan pertama tahun 1985.

Sepanjang tahun 1984 seramai 34 orang telah mati yang diakibatkan oleh kebakaran. Manakala sepanjang 7 bulan dalam tahun 1985 seramai 20 orang telah mati akibat kebakaran. Kementerian saya sedang berusaha untuk mengurangkan kejadian kebakaran dengan menjalankan beberapa langkah seperti mengadakan kempen minggu mencegah kebakaran di seluruh negara pada akhir tahun ini dan menjalankan lebih banyak pemeriksaan mengejut di bangunan-bangunan dan tempat-tempat merbahaya untuk memastikan langkah-langkah keselamatan diikuti.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar akan amalan birokrasi Jabatan Bomba yang melewatkan kerja-kerja menyelamatkan nyawa dan harta. Untuk pengetahuan Timbalan Menteri apabila sesuatu kebakaran sedang berlaku di satu tempat berdekatan, pihak Bomba hanya boleh membenarkan anggota-anggotanya mengejar ke tempat yang berkenaan selepas nama, nombor Kad Pengenalan dan laporan siap dicatat; apakah amalan birokrasi ini akan diubah suai mengikut keadaan?

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri hairan jika apa yang diberi tahu oleh Ahli Yang Berhormat itu benar. Sebenarnya buat masa sekarang amalan yang diikuti oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah mereka hendak juga kejar ke tempat-tempat walaupun diterima panggilan-panggilan palsu. Tiap-tiap bulan, tiap-tiap Pejabat Bomba menerima panggilan-panggilan palsu dan kita sehingga sekarang tidak meminta orang ramai memberhentikan panggilan-panggilan palsu supaya panggilan-panggilan palsu ini boleh jadi sebagai satu ujian dari masa ke semasa terhadap Pasukan Bomba. Maka jika Ahli Yang Berhormat ada butir-butir tentang birokrasi yang disebutkan, Kementerian saya akan siasat dan mengambil tindakan yang sewajar terhadap kes itu.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri akibat dahpada berlaku kebakaran, negara kehilangan beratus-ratus juta kerugian bukan sahaja wang harta tetapi juga nyawa. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, biasanya berlaku kebakaran pihak Bomba selalu memberi penjelasan bahawa tidak dapat, tidak sempat menyematkan kebakaran itu berlaku ialah kerana tekanan air kurang. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, apakah tidak ada teknologi baharu yang kita tidak perlu menggunakan air tetapi menggunakan debu ataupun menggunakan satu kemikal baru untuk mengatasi masalah kurangnya tekanan air.

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa halangan yang dihadapi oleh Jabatan Bomba untuk memadamkan kebakaran ialah kekurangan tekanan air. Perkara ini kita adalah bersama-sama dengan Jabatan Kerja Air berusaha untuk

diperbaiki dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, atas cadangan Ahli Yang Berhormat tentang menggunakan debu atau kemikal untuk memadamkan api, sehingga sekarang belumlah kita dapat teknologi ini walaupun kita menggunakan kemikal dan foam untuk memadamkan api di beberapa tempat tertentu tetapi sebagai alternatif bagi air, kita belum lagi dapat satu kemikal ataupun satu teknologi baharu bukan sahaja di negara kita tetapi juga di dalam dunia.

MADA—MEMBANGUNKAN SOSIO—EKONOMI PETANI

4. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan dasar Kerajaan yang dijalankan oleh MADA di dalam kawasan Pengairan Muda dari segi membangunkan sosio-ekonomi petani di dalam sektor penanaman padi. Adakah dasar ini hanya tertumpu kepada pembangunan pertanian ataupun meliputi pembangunan pusat-pusat pembangunan aktiviti perdagangan dan perusahaan di dalam bentuk pekan-pekan kecil dan industri-industri yang berasaskan pertanian. Jika ada sila nyatakan perancangan yang telah disusun dan berapakah rancangan-rancangan tersebut yang akan dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan, dasar yang dijalankan oleh MADA adalah merancang dan melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti ekonomi dan sosial dalam Kawasan Muda bagi memajukan kesejahteraan hidup sebilangan besar masyarakat tani di dalamnya dengan mengambil kira meningkatkan pendapatan mereka di samping berusaha melebihi hasil untuk keperluan negara.

Di dalam melaksanakan dasar ini, tekanan yang berat diberi terhadap pembangunan pertanian terutamanya dalam bentuk mengadakan kemudahan dan perkhidmatan ke arah menstabilkan perusahaan penanaman padi dua kali setahun. Dalam masa yang sama, tekanan yang berat juga turut diberi dalam mengenalpasti dan menggalakkan pembangunan perusahaan dan perdagangan yang berpotensi berkembang maju di Kawasan Muda ini.

Pembangunan perusahaan dan perdagangan tersebut adalah dilaksanakan menerusi kerjasama dan penyelarasan Jabatan-jabatan lain dan melibatkan penyertaan langsung Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan Muda serta penyertaan pihak swasta. Menerusi Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan Muda, umpamanya, sumber-sumber tenaga dan modal petani-petani telah digembeling untuk membolehkan mereka menyertai di dalam berbagai jenis perusahaan dan perdagangan seperti perniagaan bahan-bahan input pertanian, perusahaan perabut dan pembinaan, pelaburan dalam badan-badan perniagaan dan sebagainya.

Di samping itu, pihak Mada juga turut memainkan peranan di dalam membangunkan pusat-pusat pertumbuhan di dalam Kawasan Muda. Pada tahun 1975 lagi, pihak MADA dengan kerjasama pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta Universiti Sains Malaysia telah mengenalpasti sebanyak 27 buah pusat yang berpotensi tumbuh dan telah menentukan sempadan pertumbuhan pusat-pusat tersebut serta menyediakan pelan struktur pertumbuhan. Sehingga kita pembangunan pusat-pusat pertumbuhan dalam Kawasan Muda adalah dilaksanakan secara kerjasama dengan penyelarasan antara berbagai Jabatan yang terlibat beserta dengan

MADA berpandukan kepada pelan struktur yang disediakan tersebut.

Dalam pada itu, selaras dengan halacara baru pembangunan luar bandar, pihak MADA sedang merancang pengujudan estet-estet padi yang dikaitkan secara langsung dengan pembangunan pusat pertumbuhan dan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil. Pelaksanaan perancangan ini akan membabitkan kerjasama dan penyelarasan beberapa Jabatan lain seperti MARA, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pejabat Daerah dan sebagainya. Jenis-jenis perniagaan dan perusahaan kecil yang sedia ada telah dikenalpasti. Perniagaan-perniagaan dan perusahaan inilah yang akan dimaju-kembangkan dengan tekanan terhadap perusahaan batu bata, kraftangan, perkakas besi dan kimpalan, dan pemerosesan makanan serta minuman. Sebagai permulaan, pekan Kerpan, Kedah telah dipilih untuk pelaksanaan pembangunan halacara baru ini. Kini kajian-kajian dan perancangan yang teliti sedang dijalankan.

Pelaksanaan pembangunan halacara baru di kawasan Kerpan ini akan berjalan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Dalam masa yang sama, pengalaman-pengalaman yang diperolehi daripada kawasan Kerpan ini akan dipraktikkan di pusat-pusat pertumbuhan yang lain.

Tuan Baharom bin Haji Bakar: Tuan Speaker, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa punca air yang dikeluarkan bagi MUDA keseluruhannya di Kedah, sebagaimana MUDA telah terkenal sebagai jelapang padi di Kedah, tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa punca air ini keluar daripada Pedudin, Padang Terap. Sebilangan besar rakyat Padang Terap tidak dapat menanam padi dua kali setahun. Kalau Yang Berhormat

Timbalan Menteri sedar, apakah langkah-langkahnya untuk membolehkan rakyat Padang Terap ini dapat menanam padi dua kali setahun ataupun apakah perancangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan masalah ini demi kebaikan penduduk-penduduk dalam kawasan Padang Terap?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini tidak ada bersangkutan-paut sedikit pun mengenai soalan asal, kerana saya merasa sangat simpati terhadap masalah yang dibawa ke mari dalam Dewan ini, bukan hanya untuk pengetahuan saya bahkan untuk pengetahuan Dewan ini dan Kerajaan. Yang sebenarnya pada masa sekarang bukan hanya di Padang Terap sahaja yang mengalami masalah kekurangan air ini bahkan para petani-petani yang mengambil bahagian dalam rancangan MADA ini pun membuat beberapa sungutan dan pengaduan kepada pihak Kerajaan mengenai sumber air ini. Bagi pengetahuan Yang Berhormat, pihak Kementerian akan menelitikan keadaan yang disyorkan oleh Yang Berhormat itu untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi sebelum tindakan akan diambil untuk merancang apa yang kita agak penting untuk keperluan penduduk-penduduk di Padang Terap.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Pertanian. Sebagaimana apa yang telah diusahakan oleh Kementerian Pertanian dalam sektor pertanian, hari ini tentu sekali bagi pihak Kerajaan sedar bahawa petani-petani sudah merasa lemah kepada semangat pertanian. Oleh itu, adakah pihak Kementerian Pertanian membuat satu latihan yang tertentu untuk memberi semangat kepada rakyat Mataysia supaya cenderung dan gembira kepada arah pertanian ingin kepada bercucuk tanam?

Yang kedua, padi ditanam dua kali setahun. Di antara setengah-setengah negara yang padinya ditanam dua kali setahun tetapi disenggang antara padi hendak tanam ke satu kali lagi, di tengah-tengah itu digalakkan bertanam lain daripada padi, seperti sayur-sayuran samarata sampai masa tunggu ditanam semula padi supaya tanah itu tidak menjadi kosong.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya, saya tidak bersetuju dengan perkataan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan sekarang petani ini sudah lemah semangat. Kebanyakan petani inilah penduduk ataupun warganegara yang begitu gigih yang tidak takut panas dan hujan. Saya bisa ingat kita yang di sini sahaja yang tidak bersemangat (*Ketawa*), petani-petani ini senantiasanya bersemangat. Sejak dari dahulu sampai sekarang mereka ini memang bersemangat. Tetapi apa yang harus kita berbuat jikalau kita dapati para petani yang kurang semangat, sebagai pemimpin bila kita pergi ke kampung-kampung, kita harus memberi nasihat supaya mereka ini jangan bergantung dengan bantuan daripada pihak Kerajaan sahaja, bahkan semua petani-petani ini harus mengusahakan tanah mereka supaya mereka dapat hasil yang istimewa daripada bendang mereka yang diusahakan itu. Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan dengan daya usaha juga memberi bantuan apa yang diagak perlu bagi menolongkan para petani-petani ini.

Mengikut cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya mengucapkan syabas kepada betiau oleh kerana inilah satu-satunya cadangan yang saya dapati sangat penting oleh kerana beliau mementingkan "rotation system" iaitu bukan hanya bergantung kepada tanaman padi sahaja, bahkan tanaman-tanaman lain boleh ditanamkan sesudah menuai padi-padi itu. Itu pun

satu cadangan yang membina, ini kita ambil kira dan perkara ini bergantung semata-mata dengan kesesuaian keadaan tanah bendang itu diusahakan.

Ada juga tempat sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat tadi di negara lain, bukan di Malaysia, bila sudah menuai ada tanaman lain yang harus ditanam, itu betul, tetapi kita tidak dapat memastikan bahawa perkara ini dapat dilakukan di negara kita oleh kerana tidak sama keadaan dan iklimnya pula tidak sama. Keadaan tanah dan sebagainya pun tidak sama, jadi pihak kita mengambil perhatian tentang syor Yang Berhormat itu.

MAS—KESELAMATAN PESAWAT B737/B747

5. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah semua pesawat-pesawat MAS jenis Boeing 747 dan Boeing 737 yang sedang beroperasi sekarang semuanya dalam keadaan baik dan tidak menghadapi sebarang kemungkinan berikutan kejadian-kejadian yang melibatkannya oleh jenis yang sama dari syarikat-syarikat penerbangan lain baru-baru ini, dan nyatakan berapakah jumlah foam untuk mencegah kebakaran yang sedia/dibawa oleh setiap lapangan terbang dalam negeri khususnya di Subang; dan jumlahnya pada masa itu mencukupi seperti yang dipraktikkan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagai syarikat penerbangan kebangsaan kita MAS sentiasa memberi keutamaan untuk memastikan keselamatan dan keselisaan penumpang-penumpangannya pada setiap masa. Adalah menjadi amalan MAS untuk memeriksa dan menyelenggara semua pesawat-pesawatnya sebagai procedure biasa dan tidak hanya apabila berlaku kemalangan-kemalangan.

Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Penerbangan Awam hendaklah menentukan bahawa semua pesawat-pesawat adalah selamat untuk digunakan pada setiap waktu. Walau bagaimanapun, oleh kerana kemalangan-kemalangan yang melibatkan pesawat-pesawat jenis B747 dan B737 di negara-negara lain baru-baru ini, maka MAS telah menjalankan satu pemeriksaan menyeluruh bagi ke semua pesawat-pesawat jenis ini. Namun demikian, pemeriksaan tersebut telah menunjukkan bahawa pesawat-pesawat kepunyaan MAS jenis tersebut adalah dalam keadaan yang baik dan selamat bagi penerbangan.

Mengenai sistem pencegahan kebakaran atau, dengan izin, "extinguishing system" di dalam pesawat-pesawat dan juga di lapangan terbang kita, bilangan alat pemadam api yang disediakan adalah berbeza antara satu pesawat dengan yang lain.

Di dalam pesawat B737 umpamanya, terdapat 13 buah alat pemadam api berbanding dengan 18 buah yang terdapat dipasang pada pesawat B747. Pesawat DC10 pula mempunyai 13 buah alat pemadam api. Jumlah alat ini juga berbeza di antara satu lapangan terbang dengan yang lain tertakluk kepada jenis pesawat yang dikendalikannya. Lapangan-lapangan terbang yang kecil adalah dilengkapi dengan 6,800 litre foam manakala lapangan terbang antarabangsa seperti Lapanganterbang Subang pula dilengkapi dengan 31,800 litre foam. Sistem-sistem pencegah kebakaran termasuk jumlah foam yang disediakan adalah mengikut standard antarabangsa yang ditetapkan. Foam simpanan tersebut adalah di dalam keadaan pekat (concentrated foam) dan isipadunya ataupun volume akan menjadi sepuluh kali ganda apabila dicampur dengan air untuk memadamkan api.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan pesawat-pesawat kepunyaan MAS jenis Boeing 747 dan sebagainya. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pesawat-pesawat tersebut adalah dipasang dengan enjin yang berjenis-jenis, ada di antaranya yang dipasangkan dengan enjin Rolls-Royce dan setengahnya dengan menggunakan enjin Pratt dan Whitney. Saya ingin bertanya dari segi penyelenggaraan adakah menyenangkan jikalau sejenis enjin digunakan dan bukan kedua-dua enjin itu?

Soalan kedua ialah baru-baru ini MAS ataupun PETRONAS telah membeli sebuah kapal terbang Boeing yang baru tetapi ada satu pergaduhan yang telah timbul antara Syarikat Rolls-Royce yang menuduh bahawa kita telah memberi enjin Pratt dan Whitney. Adakah pihak Kementerian ataupun MAS bercadang untuk membuat rundingan untuk menyelesaikan pergaduhan ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tentang jenis-jenis enjin untuk pesawat-pesawat, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa dua pesawat yang sedia ada iaitu B747 dilengkapi dengan enjin Rolls-royce yang telah dibeli dahulu. Tetapi apa yang jadi masalah sekarang ialah bukan MAS tidak dapat menyelenggarakan enjin jenis-jenis yang lain oleh kerana B737 sekarang ini pun ada dilengkapi dengan Pratt and Whitney engines.

Tentang "pergaduhan", jika saya boleh menggunakan perkataan Ahli Yang Berhormat itu, adalah satu perjanjian dahulunya di antara dengan Rolls-Royce supaya MAS akan membeli Rolls-Royce engine jikalau MAS hendak membeli pesawat yang baru, tetapi apa yang jadi sekarang ini

MAS tidak membeli pesawat baru, pesawat baru dibeli oleh PETRONAS dan akan disewakan kepada MAS.

PERSIDANGAN KOMANWEL— PENYERTAAN PERDANA MENTERI

6. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa sejak 1981, Perdana Menteri kita tidak pernah menghadiri Persidangan Komanwel, apakah sebab utamanya dan/atau pertubuhan itu tidak penting lagi bagi Malaysia.

19-11-85

11. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah cadangan-cadangan yang akan dibawa oleh beliau ke Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nassau, Bahamas untuk mengukuhkan badan tersebut dan memberi faedah kepada Negara-negara anggota khasnya Negara Malaysia. Adakah Malaysia akan memberi pandangan-pandangan berkenaan dengan pergolakan politik di kawasan Tenggara Asia seperti pandangan berkenaan dengan pergolakan politik di kawasan Tenggara Asia seperti isu Kampuchea dan sumbangan dan peranan Negara-negara anggota untuk mengatasi masalah orang-orang pelarian di rantau ini. Apakah bentuk pendirian Malaysia mengenai dasar apartheid di Afrika Selatan akan dikemukakan di Persidangan tersebut yang boleh dijadikan pendirian bersama di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 19hb November, 1985 kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Semenjak tahun 1981 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak pernah menyertai Mesyuarat-mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang telah diadakan iaitu di Melbourne pada tahun 1981 dan di New Delhi pada tahun 1983 kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa mesyuarat-mesyuarat tersebut tidak begitu berkesan dalam menyelesaikan masalah-masalah negara-negara membangun terutama dalam bidang ekonomi dan perdagangan di mana kerjasama daripada ahli-ahli maju dalam Pertubuhan Komanwel untuk mengatasi masalah tersebut tidak menggalakkan.

Keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Nassau, Bahamas pada 16hb kepada 22hb Oktober baru-baru ini adalah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin menggunakan kesempatan tersebut untuk menggesa ahli-ahli Komanwel terutama negara-negara Barat untuk bersatu dalam mengambil tindakan tegas dari segi sekatan ekonomi dan perdagangan terhadap negara Afrika Selatan supaya negara tersebut terpaksa menghapuskan sama sekali polisi apartheidnya yang telah mengakibatkan penderitaan dan pengorbanan nyawa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bimbang melihat perkembangan di Afrika Selatan itu dan Yang Amat Berhormat berpendapat sekiranya kita tidak bertindak sekarang untuk memulaukan Afrika Selatan supaya ia tukar corak pemerintahannya terhadap orang-orang kulit hitam mungkin kita akan terlambat mengendurkan suasana yang semakin hari semakin genting.

Selain daripada tujuan utama itu, Yang Amat Berhormat telah juga

memberi pandangan-pandangan terhadap isu-isu politik dan juga ekonomi yang penting bagi Malaysia kepada forum tersebut dan telah berusaha mendapatkan komitmen daripada rakan-rakan sejawat beliau dari Negara-negara Komanwel lain untuk bersatu dan bermufakat mengatasi masalah-masalah semasa yang dihadapi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan di mesyuarat tersebut perlunya bagi negara-negara maju dalam Komanwel menukar sikap terhadap dasar ekonomi dan perdagangan mereka dan menunjukkan tanda ikhlas dalam membantu ahli-ahli yang lain supaya potensi pertubuhan itu dapat dicapai untuk kebaikan bersama.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan ucapan yang bernas dan berterus-terang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Persidangan Komanwel di Bahamas baru-baru ini tentang dasar negara-negara Komanwel dan juga seruan-seruan yang diberi kepada persidangan itu, adakah perkara ini telah menimbulkan reaksi ataupun tindak balas yang kurang baik terhadap ekonomi negara kita oleh negara-negara Komanwel atau negara-negara barat termasuk Kerajaan British sendiri yang melibatkan kejatuhan share di dalam bijih timah dan juga getah yang berlaku sekarang ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak mahu berfikir bahawa beberapa kejadian yang berlaku termasuk kejatuhan harga bijih timah dan sebagainya ada kait dengan ucapan Perdana Menteri kita di Komanwel. Tetapi reaksi umumnya daripada semua ahli-ahli anggota Komanwel

yang menghadiri mesyuarat itu begitu menggalakkan sekali. Malah dengan ucapan yang begitu tegas itu telah pun melahirkan suasana yang sesuai untuk perbincangan-perbincangan yang telah pun diadakan dengan penuh serius selepas ucapan itu. Dan beberapa keputusan telah pun dicapai yang saya rasa mungkin kalau dapat dilaksanakan akan menguntungkan semua pihak. Malah pihak Britain sendiri telah pun menukar sikapnya yang begitu berdegil pada mulanya kepada satu sikap tolak ansur sebagaimana yang kita terdapat dalam perjanjian terakhir mesyuarat tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata sama ada Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganggapkan persidangan ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Nassau berkesan dan apa sebab persidangan di Nassau lebih berkesan dan persidangan berkenaan di Melbourne dan di New Delhi tidak berkesan. Dan akhirnya berikutan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di persidangan di Nassau, adakah Malaysia akan menjadi host kepada persidangan ketua-ketua Kerajaan negara-negara Komanwel Asia-Pasifik di Malaysia di tahun hadapan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa apabila kita menghadiri suatu persidangan antarabangsa, tujuan kita bukanlah mencari popularity, dengan izin, we are not on the popularity trail. Tetapi lebih untuk menyelesaikan masalah-masalah tertentu. Kita tidak menghadiri sidang di Melbourne dan sebagainya, saya rasa Malaysia telah pun berjaya untuk menekankan suatu point yang penting bahawa kalau kita menghadiri suatu mesyuarat haruslah dijadikan satu-satu tempat untuk menyelesaikan masalah. Bukan sebagai get together untuk bersuka ria.

Kita berharap dengan hadirnya Perdana Menteri di Nassau baru-baru ini, sedikit-sebanyak message itu sudah pun disampaikan. Kebetulan pula kita menghadapi keadaan tekanan di Afrika Selatan di mana kita semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri telah pun memainkan peranan untuk menghadapi masalah tersebut. Jadi dengan adanya rayuan-rayuan tertentu, dengan adanya keadaan tertentu maka Perdana Menteri dan Kerajaan sendiri merasakan ada baiknya Perdana Menteri menghadiri mesyuarat itu. Sama ada persidangan itu berkesan atau tidak, saya rasa terlalu awal untuk membuat keputusan. Dan sama ada kita sanggup menjadi tuan rumah kepada suatu sidang Komanwel yang akan datang, saya rasa perkara itu akan diputuskan bila ianya timbul kelak.

HARGA KOMODITI

7. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa harga-harga komoditi telah merosot begitu buruk, adakah disebabkan oleh kemerosotan ekonomi sedunia atau persaingan yang serius oleh Negara-negara yang lain atau kedua-dua sebabnya dan menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sebab mengapa harga barangan utama telah merosot adalah oleh kerana kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan sejak tahun 1981 yang mana dunia belum lagi pulih sepenuhnya dari kemelesetan ini yang merupakan yang paling teruk sejak tahun 1930an yang telah menjejaskan boleh dikatakan ke semua barangan utama di dunia. Oleh yang demikian, getah, kayu-kayan, timah dan tembaga yang dikeluarkan dan dieksport oleh

negara ini telah terlibat juga sungguhpun harga bagi koko telah kekal pada tahap yang baik sementara harga lada hitam telah meningkat. Berhubung dengan minyak kelapa sawit hanya pada beberapa bulan kebelakangan ini, pasarannya telah menjadi lembab.

Selain daripada kesan-kesan kemelesetan dunia terhadap penggunaan barangan utama, pertambahan dalam bekalan telah juga menyebabkan kelemahan harga oleh kerana negara-negara pengeluar telah meningkatkan pengeluaran bagi menambah pendapatan eksport dan untuk menyelesaikan hutang mereka.

Dalam beberapa hal pendekatan yang diambil oleh beberapa negara dengan memberi kredit dan diskaun yang menarik adalah juga merupakan satu faktor yang menyebabkan kelembapan harga beberapa barangan utama.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun kejatuhan harga ini adalah disebabkan oleh keadaan permintaan dan bekalan dunia yang sukar dikawal, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk berusaha menstabilkan harga mana yang boleh.

- (a) Melalui Perjanjian Penstabilan Harga seperti timah dan getah, Kerajaan telah menyumbang wang bersama-sama dengan negara-negara ahli lain serta melaksanakan kawalan eksport bagi timah. Namun demikian, perjanjian ini sedang menghadapi tekanan yang kuat oleh kerana pertambahan bekalan yang meningkat termasuk dari negara-negara bukan ahli seperti dalam industri timah. Dalam Perjanjian Timah Antarabangsa, sebenarnya perjanjian ini telah hampir kehabisan keupayaan untuk

mempertahankan harga, khususnya apabila negara-negara bukan ahli telah tidak bekerjasama dalam menahan pertumbuhan pengeluaran dan eksport. Mengenai Perjanjian Getah pula ia telah berupaya mencapai satu tahap kestabilan harga dan juga menahan harga daripada terus jatuh ke tahap yang lebih rendah lagi jika tidak ada perjanjian serupa ini.

- (b) Malaysia rnenyertai secara aktif Persatuan Negara-negara Pengeluar seperti Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli, Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah dan Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa. Melalui pertumbuhan-pertumbuhan tersebut adalah diharapkan kerjasama di antara pengeluar-pengeluar dapat diperolehi, untuk mengatasi beberapa masalah termasuk strategi pemasaran dan penyelidikan dan juga pembangunan atau R & D.
- (c) Kerajaan sentiasa mengukuhkan pasaran barangan utama Malaysia di luar negeri melalui:
- (i) lawatan misi dan rombongan galakan pasaran ke beberapa negara pengguna berpotensi bagi mencari pasaran baru ataupun memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menganjurkan seminar atau persidangan dan pameran di dalam dan di luar negeri dengan tujuan memperluas dan menggalakkan penggunaan barangan utama Malaysia.
 - (ii) meningkatkan Khidmat Nasihat Teknikal kepada

negara-negara pengguna Malaysia;

- (iii) terus mengadakan dialog di antara Malaysia dengan negara-negara pengguna untuk menyelesaikan masalah-masalah perdagangan terutama mengurangkan sekatan tarif dan bukan tarif.
 - (iv) menjalankan perdagangan-balas dengan "negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing di mana sesuai.
- (d) Meluaskan permintaan barangan utama Malaysia dengan meningkatkan penyelidikan aplikasi supaya penggunaan dapat diperluaskan melalui pengeluaran barangan-barangan pelbagai jenis. Ini juga bertujuan untuk meninggikan nilai-tokok barangan utama kita di samping menjamin permintaan yang berterusan terhadap barangan utama mentah tersebut.
- (e) Mendapatkan pulangan yang lebih tinggi kepada pengeluar-pengeluar dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mengurangkan kos pengeluaran di samping meningkatkan produktiviti dan mutu pengeluaran bagi membolehkan negara menjadi pembekal barangan utama pada paras harga yang kompetitif.
- (f) Meningkatkan kegiatan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE). Melalui Bursa ini penentuan harga dapat dilakukan dengan sistematik dan adil berdasarkan kepada pengaruh bekalan dan

permintaan di pasaran tempatan dan antarabangsa. Peniaga-peniaga juga boleh melindungi nilai, dengan izin, hedging, bagi mengurangkan kesan turun naik harga.

SURATKHABAR—MENGHADKAN SAHAM PARTI POLITIK

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang untuk menghadkan saham yang sesebuah parti politik boleh memiliki dalam sebuah akhbar sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi penama atau syarikat-syarikat amanah supaya melindungi kebebasan akhbar daripada monopoli pemilikan dan pengawalan surat-surat khabar dari segi politik.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri berpuas hati dengan prosedur dan keberkesanan ke atas kawalan mengenai penerbitan sekarang. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang lain bagi menghadkan pemilikan penerbitan oleh mana-mana pihak jua termasuk parti-parti politik.

Tuan Haji Hassan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa buahkah akhbar-akhbar di negara ini yang dipunyai secara langsung ataupun tidak langsung oleh parti-parti politik di negara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan adanya akhbar-akhbar yang dipunyai oleh parti-parti politik itu kebebasan akhbar di negara ini telah terjejas ataupun tidak.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk menjawab soalan yang pertama. Bagi menjawab soalan yang kedua, tidak.

PASARAN PERTUKARAN SAHAM

9, Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa Pasaran Pertukaran Saham begitu lembab sekali dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi para pelabur dan bitakah Kerajaan menduga Pasaran Pertukaran Saham akan pilih dengan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini Pasaran Saham Kuala Lumpur kurang aktif disebabkan beberapa faktor yang tidak menggalakkan termasuk harga barangan utama yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, faktor yang lebih utama ialah khabar-khabar angin yang tidak berasas mengenai kedudukan politik dan ekonomi negara kita yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini mungkin terlibat dalam penjualan spekulatif secara "short selling" dengan harapan mendapat keuntungan yang berlebihan.

Dengan keadaan pasaran yang kurang memuaskan ini, kebanyakan para pelabur yang sebelum ini bergiat cergas dalam pasaran saham telah mengurangkan kegiatan mereka dan mengambil sikap melihat dan menunggu sahaja. Mereka ini akan menyertai semula pasaran saham sebaik sahaja keadaan Pasaran Saham Kuala Lumpur pulih dengan sepenuhnya.

Dalam usaha untuk memperbaiki suasana Pasaran Saham Kuala

Lumpur, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur luar dan tempatan membuat pelaburan di negara ini. Ini termasuklah penyusunan semula industri broker saham untuk membolehkan "coporatisation" dilaksanakan.

Selain dari itu, Kementerian saya telah menasihatkan Tabung Kumpulan Wang dan institusi-institusi yang mengendalikan portfolio pelaburan memasuki semula pasaran saham untuk bertindak sebagai "market leader". Kementerian saya juga telah mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur mengenai cara-cara menggalakkan lagi pasaran saham tersebut. Mereka dinasihatkan menyelaraskan tindakan mereka supaya jangan menjejaskan pasaran saham apabila pasaran mulai naik.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah menasihatkan bank-bank perdagangan supaya melonggarkan pinjaman bagi tujuan pembelian saham, menurunkan kadar faedah serta menyalurkan kewangan ke dalam pasaran bagi mengurangkan masalah kecairan yang ketat.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan telah dapat memulihkan semula suasana Pasaran Saham Kuala Lumpur. Ini dapat dilihat dari kenaikan harga dan jumlah dagangan di Pasaran Saham Kuala Lumpur dari bulan Ogos hingga kini dengan mencatatkan rekod jumlah dagangan terbaru, dengan izin, new all time high total value sebanyak \$49 juta dalam bulan September. Adalah menjadi harapan Kerajaan semoga suasana yang menggalakkan ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)

SUBSIDI KEPADA NELAYAN

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar bot-bot nelayan yang menangkap ikan di laut dalam terpaksa menanggung belanja minyak disel antara \$600 hingga \$5,000 satu bulan.
- (b) Tanggungan Kerajaan dalam memberikan subsidi pada tahun-tahun dahulu; dan
- (c) Memandangkan dasar Kerajaan untuk menggalakkan para nelayan ke laut dalam, apakah subsidi minyak akan dipulihkan semula bagi sektor ini. Jika ya, sebutkan bila, jika tidak, sebutkan sebab-sebabnya.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Saya sedar bahawa nelayan-nelayan menggunakan minyak disel dengan kadar yang banyak. Walau bagaimanapun kos yang ditanggung oleh seseorang nelayan adalah bergantung kepada saiz bot yang digunakan di kawasan menangkap ikan.
- (b) Semasa Kerajaan memberi subsidi minyak disel, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$50 juta setahun untuk membiayai subsidi tersebut bagi sektor perikanan.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk menimbangkan bagi memulihkan semula subsidi minyak disel bagi perusahaan

perikanan. Ini langkah memulihkan semula subsidi minyak disel tidak akan dapat mewujudkan satu perusahaan yang benar-benar berdaya maju dan efisien. Untuk menggalakkan perikanan laut dalam Kerajaan telah mengadakan kemudahan infrastruktur seperti kompleks-kompleks pendaratan yang sesuai bagi bot-bot yang lebih besar serta memberi kemudahan pinjaman dengan syarat yang mudah dari Bank Pertanian Malaysia. Pinjaman ini mempunyai unsur insentif dan akan menggalakkan para nelayan untuk meningkatkan bot dan memiliki bot-bot terutamanya untuk penangkapan ikan laut dalam.

INDUSTRIAL ACCIDENTS

11. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Buruh menyatakan bilangan kemalangan industri atau "Industrial accidents" yang berlaku dalam negara kita pada tahun 1980 hingga sekarang dalam:

- (a) industri petroliaam dan gas;
- (b) industri kehutanan,
- (c) industri pembuatan,
- (d) lain-lain industri.

serta menunjukkan bilangan kemalangan yang mendatangkan maut masing-masing dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kemalangan di berbagai industri dalam negara kita.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Bilangan kemalangan industri yang berlaku di negara kita pada tahun 1980 hingga tahun 1984 sebagaimana tuntutan kemalangan dibuat di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta

Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 adalah seperti berikut:

Jenis Industri	Di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952		Di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969	
	Bil Kemalangan	Bil Maut	Bil Kemalangan	Bil Maut
(a) Industri petroliaam dan gas	1	0	25	0
(b) Industri Kehutanan	1,510	239	420	10
(c) Industri pembuatan	7,260	196	153,799	213
(d) Lain-lain industri seperti pertanian, pembinaan, perdagangan, pengangkutan dan sebagainya.	17,172	1,166	131,722	805
Jumlah	25,943	1,601	285,966	1,028

Pada masa ini Jabatan Kilang dan Jentera, di bawah Kementerian saya menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera dan Peraturan-peraturan di bawahnya berhubung dengan keselamatan dan kesihatan dalam industri. Pegawai-pegawai teknikal dari Jabatan Kilang dan Jentera ada menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan awal, ulangan, tambahan dan mengejut untuk menentukan dan menjaga taraf keselamatan di dalam kilang-kilang. Jabatan ini juga menjalankan kegiatan galakan keselamatan melalui seminar, kursus latihan, syarahan, ceramah-ceramah dan meminjamkan filem-filem keselamatan kepada majikan dan juga pekerja-pekerja di kilang-kilang. Secara pentadbiran Jabatan ini juga menggalakkan kilang yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja supaya membentuk jawatankuasa keselamatan di mana pekerja, majikan dan ahli kesatuan sekerja akan mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk mengenalpasti, membetulkan dan menjaga keadaan keselamatan di sekitar kawasan pekerjaan mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menubuhkan Majlis Penasihat Keselamatan dan kesihatan kerja yang dianggotai oleh pihak Majikan, pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja, agensi-agensi/pertubuhan professional & jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan. Dengan adanya majlis ini, isu-isu mengenai keselamatan & kesihatan kerja dapat dibincangkan antara pihak-pihak yang berkenaan dan tindakan-tindakan sewajarnya dapat diambil.

LOMBONG BUIH TIMAH YANG DITUTUP

12. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa selepas Akta Pengawalan Bijih Timah (Tin Control Act) telah dikuatkuasa dalam bulan April, 1982 dan semenjak permulaan tahun 1982 di Perak sahaja, 171 buah lombong bijih telah ditutup dan 7,854 pekerja-pekerja lombong telah diambil untuk

mengatasi pembuangan kerja ini; dan

- (b) berapakah ramai buruh Malaysia yang telah pulang dari Singapura sehingga tarikh ini dan sama ada beliau telah mengambil langkah untuk memberhentikan peneksportan buruh asing kerana negara ini seharusnya memberi keutamaan dalam bidang pembangunan kepada pekerja-pekerja Malaysia.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Kerajaan memang sedar bahawa semenjak Kawalan Eksport Timah dikuatkuasakan oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC) dalam bulan April, 1982, beberapa lombong bijih timah di negara ini telah terpaksa ditutup dan pekerjaanya diberhentikan kerja seperti juga di negara-negara pengeluar utama timah yang lain.
- (b) Kerajaan tidak mempunyai angka yang tepat mengenai bilangan buruh Malaysia yang telah pulang daripada Singapura kerana pemergian mereka adalah pilihan sendiri dan kepulangan mereka adalah juga tidak perlu dilaporkan kepada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 1984 dianggarkan seramai 55,000 pekerja Malaysia berkhidmat di Singapura. Dari jumlah itu sehingga 30-9-85 seramai 776 orang yang kembali telah mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapat pekerjaan di mana 114 orang telah ditempatkan ke dalam pekerjaan. Kerajaan memang sentiasa mengutamakan peluang-peluang pekerjaan diberi kepada rakyat negeri.

PROTON SAGA—MENGECEUALIKAN DUTI IMPORT

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan sampai bilakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengecualikan Proton Saga daripada duti import komponennya. Apakah di antaranya fakta-fakta serta tinjauan-tinjauan yang dapat digunakan untuk menyokong pemilihan tempoh masa ini. Apakah lain bentuk percukaian yang juga akan turut dikecualikan dalam;

- (a) Pengeskpontan Proton Saga; dan
(b) Jualan Proton Saga pada tingkat dalam negeri.

Apakah sekatan yang akan dikenakan ke atas pengimportan kereta-kereta dari luar negeri. Berapa jumlah hasil yang akan hilang kerana tindakan seumpama itu.

Dato Dr Tan Tiong Hong: Proton Saga merupakan projek ulung dan menjadi kebanggaan setiap lapisan masyarakat negara ini. Sebagai satu projek yang bukan saja melibatkan kegiatan pemasangan tetapi juga pengilangan, Kerajaan berpendapat bahawa bantuan-bantuan yang telah diberi setakat ini kepada projek kereta nasional akan terus diberikan hingga pada satu ketika di mana projek ini bertapak.

Untuk makluman Yang Berhormat, bukanlah sesuatu yang luar biasa apabila Kerajaan memberikan bantuan dalam bentuk tarif kepada syarikat-syarikat baru, terutama apabila projek syarikat berkenaan dapat meningkatkan lagi perkembangan teknologi industri negara ini. Buat pertama kali setelah lebih 20 tahun industri kereta wujud di negara ini, projek Proton Saga sahajalah yang menjalankan kegiatan pemasangan dan pengilangan. Manakala syarikat-syarikat lain masih lagi ditingkatkan kegiatan pemasangan kereta sahaja.

Mengenai soalan-soalan Yang Berhormat berhubung dengan perkara perlindungan tambahan dalam bentuk pengecualian yang lain, iaitu untuk pasaran eksport dan tempatan dan kehilangan hasil akibat projek ini, adalah masih terlalu awal untuk dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Setakat ini Kerajaan berpendapat bahawa perlindungan cukai yang diberikan kepada Proton Saga adalah memadai.

TABUNG PELABURAN

14. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat ini berapakah tabung pelaburan telah diujukan dan apakah tujuan tiap tabung itu.
- (b) apakah Kerajaan merasa puas tentang kesan-kesan yang telah dihasilkan terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita.

Dato Dr Tan Tiong Hong:

- (a) Soalan Ahli Yang Berhormat adalah tidak begitu jelas. Konsep tabung pelaburan adakah konsep am. Pada masa kini terdapat organisasi-organisasi yang mempunyai tabung bagi membeli saham ataupun membuat pelaburan perniagaan. Tabung-tabung ini meliputi tabung-tabung swasta, syarikat-syarikat kerjasama dan institusi-institusi Kerajaan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, tabung pelaburan yang sebenarnya ditubuhkan oleh Kerajaan hanyalah satu iaitu Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund). Tabung khas ini mempunyai peruntukan sebanyak \$1 billion yang merupakan satu kemudahan pembiayaan projek-projek di sektor perkilangan, pertanian dan pelancungan.

Pada masa yang lalu Kerajaan tidaklah mengwujudkan tabung-tabung tertentu bagi maksud pelaburan. Kerajaan telah pun mengadakan peruntukan kepada agensi-agensi dan institusi-institusi kewangan seperti Bank Pembangunan, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia, MIDF dan Bank Pertanian yang mempunyai tujuan dan objektif memperkembangkan aktiviti berbagai sektor ekonomi.

- (b) Kerajaan berasa puashati terhadap prestasi agensi-agensi tersebut dalam menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk kita membuat penilaian terhadap keberkesanan Tabung Pelaburan Baru yang dilancarkan beberapa bulan yang lalu. Ada tanda-tanda menunjukkan bahawa tabung ini telah mula mendapat perhatian dari pengusaha-pengusaha.

PROJEK UDA DI PULAU PINANG

15. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) bilangan dan butir-butir projek UDA di Pulau Pinang;
- (ii) jumlah tanah yang dialihkan oleh Kerajaan Pulau Pinang bagi projek-projek di atas dan apakah harga tanahnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):

1. Terdapat 48 projek pembangunan hartanah yang

melibatkan penyertaan UDA di Pulau Pinang. Projek-projek ini terdiri dari 3 kategori seperti berikut:

	Bil	Keluasan Tanah (Ekar)
(a) Projek-projek UDA sendiri	3	120.898
(b) Projek-projek Jawatan-Pemandu Pulau Pinang (lask force)	36	168.984
(c) Projek-projek di bawah program Khidmat Perunding UDA	9	121 422
	<hr/>	<hr/>
	48	411.304
	<hr/>	<hr/>

2. Dari jumlah 411.304 ekar tanah yang dimajukan itu, 43,34 ekar (10.5%) adalah merupakan tanah yang diberimilik (alienated) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada UDA, di mana 42,8 ekar darinya adalah untuk Projek Tanjong Tokong. Tanah ini telah diberi milik kepada UDA dengan bayaran nominal.

PENYAKIT AIDS

16. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah kes yang mengidap penyakit AIDS, dan bagaimana cara pencegahan yang telah dibuat oleh Kementerian terhadap AIDS.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi pada 22-11-85. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini tidak ada orang telah dikesan mengidap penyakit AIDS ataupun sebagai pembawa AIDS di Malaysia.

Tindakan pencegahan yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan terhadap AIDS adalah seperti berikut:

1. Pemberitahuan AIDS

Untuk mengetahui kejadian penyakit AIDS di negara kita, AIDS telah digazetkan sebagai satu penyakit yang wajib

diberitahu (a notifiable disease) kepada pihak kesihatan.

2. Penderma Darah

Kementerian saya telah mengarahkan semua tabung darah di negara ini supaya menolak derma darah daripada golongan homoseksuai, penagih dadah dan pesakit yang mengidap penyakit kelamin.

3. Perbekalan Kemudahan

Makmal Yang Tertentu serta peralatan dan "reagent" untuk ujian darah bagi mengesan AIDS di kalangan penderma-penderma darah dan golongan yang mempunyai risiko yang tinggi serta mana-mana pesakit AIDS yang disyaki telah juga dibuat. Sebagai permulaan kemudahan ini ditempatkan di Institut Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur tetapi akan ditempatkan di Institusi yang lain dalam Kementerian Kesihatan jika keadaan memerlukannya.

4. Pemeriksaan (screening) Contoh

Darah daripada Penderma-penderma Darah dan Golongan Lain yang Berisiko Tinggi Pemeriksaan contoh-contoh darah daripada penderma-penderma darah dan golongan lain yang berisiko tinggi untuk mengesan AIDS telah dimulakan di Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur. Kajian darah tersebut akan meliputi sejumlah 6,000 contoh darah yang diambil dari bulan Julai hingga Disember 1985. Lebih kurang 4,000 contoh darah akan diambil daripada penderma-penderma darah dari beberapa tempat di negara ini. Lebih kurang 2,000 contoh darah akan diambil daripada golongan yang berisiko tinggi

termasuklah penagih dadah yang mengamalkan suntikan dan pesakit-pesakit daripada klinik penyakit kelamin. Sehingga 21 Oktober 1985 sebanyak 3,843 sampel darah telah diperiksa untuk mengesan penyakit AIDS. 3,836 daripada sampel yang berkenaan telah didapati tidak dijangkiti dengan kuman AIDS. Baki yang 7 adalah sedang disiasat dan keputusannya belum didapati lagi.

5. *Penerangan Berkenaan AIDS*

Kementerian saya telah memulakan satu kempen penerangan berkenaan AIDS dan pencegahannya bagi membangkitkan kedesaran terhadap penyakit ini dikalangan orang ramai amnya dan di kalangan kumpulan yang berisiko tinggi khususnya. Strategi-strategi yang digunakan sehingga ini termasuklah penggunaan media massa dan bahan-bahan penerangan seperti risalah dan poster di dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil. Pemberita-pemberita akhbar dan majalah tempatan serta pegawai-pegawai penerangan Kementerian Penerangan telah juga diberikan penerangan berkenaan AIDS, Beberapa ceramah dan forum awam berkenaan AIDS telah juga diadakan dan pegawai-pegawai kementerian kesihatan dari Kementerian Kesihatan telah mengambil bahagian yang aktif di dalamnya.

6. *Rancangan Kontingensi untuk Pencegahan dan Kawalan AIDS*

Kementerian Kesihatan telah merumuskan satu rancangan kontingensi untuk pencegahan

dan kawalan AIDS yang menyediakan garis panduan kepada kakitangan kesihatan, hospital, tabung darah dan makmal tentang pengawasan pencegahan dan kawalan AIDS.

7. *Jawatankuasa AIDS, Kementerian Kesihatan* telah dibentuk dan dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada berbagai Bahagian Kementerian Kesihatan. Tujuannya ialah untuk merancang, menyelaras dan menilai pengawasan, pencegahan dan kawalan AIDS di negara ini.

8. *Latihan Kakitangan Perubatan & Kesihatan* di dalam diagnosa dan aspek-aspek lain penyakit AIDS telah juga dimulakan di seluruh negara. Persediaan sedang dibuat untuk menghantar seorang Ahli Kaji Kuman daripada Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur ke Australia selama 2 minggu untuk mempelajari dengan mendalam cara-cara mengesan dan mendiagnosis penyakit AIDS.

9. *Perhubungan dan Perbincangan (Consultation)*

Dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); Pusat Kawalan Penyakit (CDC) di Atlanta, Amerika Syarikat; Makmal Bersekutu WHO untuk AIDS di Australia, dan negara-negara jiran telah dibuat untuk bertukar maklumat dan mendapatkan kerjasama berkenaan AIDS.

**CAWANGAN UNIVERSITI
SAINS MALAYSIA DI PERAK**

17. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menghuraikan rancangan pembangunan keseluruhan bagi

kampus cawangan Universiti Sains Malaysia yang dicadangkan untuk Perak dari segi luasnya tapak yang dicadangkan, belanjawan pembangunan pertama, kursus-kursus pengajian dan lain-lain. Berapa ramai pelajar akan diterima masuk bagi tahun pertama dan bilakah pengambilan ini akan berlaku, Apakah bilangan pelajar maksima yang diramalkan dan bilakah sasaran ini akan dicapai. Mengapa Kerajaan tidak menubuhkan kampus-kampus cawangan universiti-universiti sedia ada yang pasti akan meletakkan beban yang lebih berat ke atas pentadbiran dan kakitangan akademik.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan khas sebanyak \$88 juta bagi penubuhan Universiti Sains Malaysia cawangan negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, kira-kira \$8.8 juta dikhaskan bagi mengubahsui Majlis Perbandaran Ipoh sebagai kampus cawangan sementara, manakala kira-kira \$74.62 juta diperuntukkan bagi pembangunan Fasa I kampus tetap di Bandar Baru Sri Iskandar.

Pelaksanaan kampus tetap cawangan Perak akan dilaksanakan dalam dua fasa. Untuk Fasa I, iaitu bagi tempoh tahun 1985-1987, sebanyak \$74.62 juta diperuntukkan, sementara sebanyak \$47.26 juta diperuntukkan bagi Fasa II, iaitu bagi tempoh tahun 1988-1989.

Luas tapak kampus yang diperlukan oleh Universiti Sains Malaysia Cawangan Ipoh ialah kira-kira 500 ekar.

Kursus-kursus yang akan ditawarkan ialah:

- (a) Kejuruteraan Awam
- (6) Kejuruteraan Mekanikal

(c) Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal

(d) Kejuruteraan Material dan Mineral Resources

5. Mulai tahun 1986, hanya kursus Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal serta Kursus Kejuruteraan Material dan Mineral Resources sahaja akan ditawarkan dengan bilangan pelajar seramai 347 orang, bertempat di kampus sementara. Bilangan pelajar ini akan bertambah menjadi seramai 1,280 orang menjelang tahun 1990.

6. Penubuhan kampus-kampus cawangan adalah sebahagian dari usaha menambahkan kemudahan-kemudahan universiti yang sedia ada dan yang masih boleh ditambah keupayaannya.

PENDATANG HARAM INDONESIA YANG DITANGKAP

18, Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang-pendatang haram Indonesia yang ditangkap dan jumlah yang diusir dalam tahun 1983, 1984 dan setakat 1-9-1985 dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Pasukan Petugas Khas mengenai pendatang-pendatang haram untuk mengesan dan mengusir pendatang-pendatang haram Indonesia, Filipina, Siam dan Burma yang terdapat di negara ini, sila juga beritahu anggaran pendatang-pendatang haram yang berada di Malaysia mengikut nationaliti.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Jumlah pendatang haram Indonesia yang ditangkap dan diusir dalam tahun 1983, 1984 dan sehingga 30hb

September, 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Dttangkap</i>	<i>Diusir</i>
1983	5147	4573
1984	7331	6647
1985	10709	10040

Kementerian Dalam Negeri sedang menyusun langkah-langkah yang sesuai diambil oleh Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam dalam usaha mencegah pendaratan pendatang-pendatang haram di negara ini.

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa statistik pendatang haram yang berada di negara ini oleh kerana mereka memasuki Malaysia secara haram. Sebaliknya Kerajaan sentiasa menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mana-mana pendatang haram yang telah dikesan.

PERANG IRAN/IRAQ— USAHA MALAYSIA

19. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah dicapai setakat ini dalam usaha Malaysia dan negara-negara OIC mencari pendamaian antara Iran dan Iraq. Bagaimanakah reaksi dan sambutan yang diperolehi daripada negara-negara yang terlibat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 24hb Oktober, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat kepada jawapan tersebut.

BANTUAN TANAM SEMULA

20. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan oleh

kerana perbelanjaan pembangunan RISDA bertambah dari setahun ke setahun. Perbelanjaan untuk tanam semula getah pada tahun ini juga bertambah:

- (a) jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan pada tahun ini;
- (b) bilangan pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA pada masa sekarang; dan
- (c) mengapakah sebilangan pekebun kecil yang dapat bantuan tanam semula belum terima bantuan mereka walaupun tanaman semula telah dijalankan dan diperiksa oleh pegawai-pegawai RISDA.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan untuk Tanam Semula Getah bagi peruntukan Tahun 1985 ialah seperti berikut:
 - (i) Untuk tanam semula tahun semasa \$41.3 juta
 - (ii) Untuk bantuan berturut berjumlah \$91,989,809.00
- (b) Bilangan pekebun kecil berdaftar dengan RISDA pada masa sekarang setakat 31hb Mac, 1985 ialah seramai 500,541 orang.
- (c) Memang betul pada awal tahun 1985, bayaran bantuan tidak dapat dibayar dengan lacin oleh kerana keadaan kedudukan kewangan RISDA tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, pada penghujung bulan September, 1985 Kerajaan telah membekalkan peruntukan tambahan bagi menampung kekurangan Wang Ses sebanyak \$76.78 juta untuk perbelanjaan

bagi permohonan Tahun 1984 dan 1985. Dengan peruntukan ini, saya percaya pekebun-pekebun kecil yang terlibat akan menerima bantuan masing-masing.

SIMPANAN BANK SIMPANAN NASIONAL BAGI PELAJAR

21. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa Kerajaan menggalakkan pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa supaya menyimpan ke dalam Bank Simpanan Nasional kenapakah Bank Simpanan Nasional sahaja yang diarahkan, adakah pihak bank-bank lain tidak bersedia seperti Bank Islam dan sebagainya; dan
- (b) banyak sungutan yang timbul tentang kelewatan pembayaran biasiswa kepada pelajar-pelajar yang mendapat biasiswa hingga memakan masa berbulan-bulan dari tarikh permulaan belajar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Memang benar, Kementerian telah menggalakkan pelajar-pelajar yang menerima biasiswa menyimpan wang biasiswa mereka dalam Akaun Simpanan Nasional, memandangkan bank tersebut mempunyai cawangan di merata-rata tempat. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak melarang pelajar-pelajar menyimpan wang biasiswa mereka dalam mana-mana bank.
- (b) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kelewatan pembayaran biasiswa bagi pelajar-pelajar di sekolah tidaklah memakan masa berbulan-bulan sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli

Yang Berhormat. Kelewatan mungkin berlaku di peringkat awal penghadaian biasiswa memandangkan proses pemilihan mengambil masa untuk diselesaikan.

MEROSAKKAN HARTA AWAM

22. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan bagi membasmi perbuatan memusnahkan harta-harta awam dan perbuatan menconteng menulis kata-kata lucu dan lucuh di dinding-dinding bangunan oleh ramaja dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan keatas orang-orang yang bertanggungjawab memusnahkan/merosakkan harta-harta awam dan menconteng kata-kata lucu dan lucuh di bangunan-bangunan kepunyaannya kerana ia mempunyai undang-undang kecilnya (by-laws) sendiri. Bagaimanapun pihak polis boleh bertindak menangkap dan menyaman orang/orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang tidak diingini ini sekiranya perbuatan itu berlaku di hadapan anggota polis berkenaan.

BAHASA MALAYSIA SPM— PENGESAHAN JAWATAN GURU

23. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau telah mengkaji dan menimbangkan rayuan-rayuan daripada Kesatuan Guru-guru Sarawak untuk mengekalkan syarat lama, iaitu keperluan Bahasa Malaysia diperingkat SRP bagi maksud mengesahkan jawatan mereka masing-masing berhubung dengan para guru

dari Sarawak yang dilantik sebelum atau pada 1-7-1978 dan sama ada kelonggaran akan diberi bagi mereka yang dilantik selepas tarikh tersebut hingga sekarang untuk keperluan meluluskan Bahasa Malaysia SPM dengan mendapat gred "lulus" dan bukan kepujian bagi maksud pengesahan jawatan mereka, jika tidak, sila memberi sebab-sebabnya dan juga menyatakan bilangan guru yang belum disahkan setakat ini oteh kerana tidak dapat memenuhi keperluan Bahasa Malaysia tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad

Badawi: Sebelum tarikh 30hb Jun, 1983, iaitu dalam tempoh 5 tahun selepas penyatuan perkhidmatan pelajaran di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, Kerajaan telah memberi kelonggaran syarat bagi membolehkan mereka yang tidak ada kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk dilantik ke jawatan tetap. Akan tetapi mereka masih disyaratkan untuk mendapatkan kepujian dalam Bahasa Malaysia bagi maksud pengesahan dalam jawatan.

Selepas tarikh 30hb Jun, 1983 iaitu selepas 5 tahun dari tarikh penyatuan perkhidmatan tersebut, kelonggaran syarat tersebut telah tidak boleh digunakan lagi. Akan tetapi mereka yang memasuki latihan perguruan sebelum tarikh 30hb Jun, 1983 masih boleh menggunakan kelonggaran syarat tersebut apabila mereka memohon untuk dilantik ke jawatan tetap.

Dalam tahun 1985 terdapat seramai 804 orang guru-guru Sarawak yang telah dilantik ke jawatan tetap tetapi masih tidak dapat disahkan dalam jawatan kerana tidak ada kepujian dalam Bahasa Malaysia.

Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang menyediakan satu Kertas Khas untuk Jawatankuasa Kabinet Perjawatan bagi

pertimbangan mengenai kedudukan mereka. Sementara itu Kementerian Pelajaran juga telah menulis surat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya menanggukkan urusan memberhentikan guru-guru yang gagal untuk mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM sehingga keputusan kabinet diperolehi.

Kementerian Pelajaran juga belum bercadang untuk mengadakan peperiksaan Bahasa Malaysia lebih kerap lagi dalam setahun.

HARGA LADA HITAM DI PASARAN ANTARABANGSA

24. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan harga lada hitam di pasaran antarabangsa adalah sangat baik sejak tahun lepas, adakah Kementerian beliau ingin mengambil langkah-langkah konkrit untuk memperkembangkan penanaman lada hitam di Sarawak "secara besar-besaran, jika ya, apakah rancangan-rancangan yang telah atau sedang dibuat dan jika tidak, mengapa.

Tuan Luhut Wan: Kementerian tidak bercadang untuk memperkembangkan tanaman ini secara besar-besaran selari dengan dasar yang telah ditetapkan di dalam Dasar Pertanian Negara. Ini adalah kerana arah aliran harga pasaran lada pada keseluruhannya tidak stabil. Sistem penanaman lada pula banyak bergantung kepada tenaga buruh dan penggunaan baja kimia. Tambahan pula, ia diusahakan secara tanaman tunggal, oleh itu pekebun-pekebun kecil perlu mendapatkan pulangan yang tinggi untuk menentukan bahawa usaha ini menguntungkan.

Pertambahan pengeluaran di Malaysia akan ditumpukan kepada peningkatan hasil dan luas kawasan yang sedia ada melalui amalan

agronomi dan teknologi moden serta pengurusan ladang yang cekap. Dengan cara ini pengeluaran lada adalah terkawal supaya tidak berlebihan, yang mana boleh menyebabkan kemerosotan harga dan membantu perusahaan ini.

Harga lada hitam yang sangat baik pada masa ini adalah disebabkan kurangnya bekalan lada di pasaran dunia oleh kerana pengeluaran yang rendah dari pengeluar besar iaitu Brazil, Indonesia, India dan Malaysia sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (28hb Oktober, 1985)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persektuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (28hb Oktober, 1985)

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lumut, sila sambung ucapan.

3.36ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat ditangguhkan semalam saya ada menyentuh penempatan penjaja anjuran Kerajaan di sepanjang Lebuhraya Pantai Barat. Tetapi dia tidak begitu hebat dikunjungi oleh pelancong-pelancong yang melaluinya. Kerajaan harus membuat penyelidikan untuk menentukan sebab-sebab ia tidak menjadi tarikan yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya potensi penempatan-penempatan penjaja tidak dimaksimakan kerana ada unsur-unsur yang tercicir daripada perhitungan sebelum ia diwujudkan. Masalahnya ialah konsep "pemasaran moden" tidak dipraktikkan demi kebaikan dan kepentingan para penjaja yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perbandingan yang tepat sekali untuk membuktikan betapa konsep "pemasaran moden" ini boleh mendatangkan keuntungan lumayan kepada kumpulan sasaran Kerajaan. Di Kuala Lumpur kalau kita kunjungi Kompleks Membeli Belah Sg. Wang, Kompleks Membeli Belah Wilayah dan

Kompleks Membeli Belah Pertama, ada satu kesimpulan yang muncul, iaitu Kompleks Sg. Wang menikmati aliran lalu lintas yang tertinggi. Sebab-sebabnya tidak sukar dikesani iaitu Kompleks Sg. Wang menawarkan lebih banyak pilihan barangan dengan jenis-jenis yang beraneka. Dari segi konsep "pemasaran moden" ia tentu mendahului Pusat-pusat Membeli Belah lain di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, jika konsep "pemasaran moden" ini dipindah dan dipraktikkan di penempatan-penempatan penjaja anjuran Kerajaan yang sedia ada, saya percaya ia akan membawa keuntungan yang lebih memuaskan kepada penjaja-penjajanya. Jika diperbanyakkan jenis makanan dengan hidangan-hidangan yang beraneka, penempatan-penempatan penjaja itu akan menjadi tarikan yang kuat kepada para pengunjung. Pendek kata, para penjaja itu akan mendapat rezeki yang lebih lumayan daripada apa yang diperolehinya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempelbagaikan hidangan dan jenis-jenis makanan, penjaja-penjaja dari kaum bukan Melayu harus dijemput menyertai penempatan-penempatan penjaja anjuran Kerajaan supaya mereka dapat menyumbang ke arah konsep "pemasaran moden". Tetapi, ini tidak dapat diamalkan oleh Pegawai-pegawai Daerah kerana wujudnya arahan tertentu yang menghadkan penempatan-penempatan penjaja-penjaja kepada satu kaum sahaja. Lebih-lebih lagi konsep "pemasaran moden" itu boleh menjamin supaya secara tidak sengaja kaum Melayu dan kaum bukan Melayu yang mencari rezeki sebagai penjaja tidak diasingkan perhubungan hariannya. Konsep itu menjadi lebih menarik kerana pelanggan-pelanggan mereka yang terdiri daripada pelbagai kaum dapat mengeratkan lagi muhibbah antara kaum di gerai-gerai

mereka. Jadi adalah diidamkan oleh saya supaya diwujudkan Pusat-pusat Penjaja yang bertaburan di merata Malaysia. Ia memang akan menjadi tarikan yang istimewa kepada para pelancong kerana penawaran makanan-makanan yang sungguh beraneka jenis. Ia akan mengkagumkan para pelawat luar negeri yang mencubanya.

Ekoran daripada itu majalah-majalah atau buku-buku pelancongan ciptaan orang Barat akan tidak berhenti-henti mengulas mengenainya, sebagai satu ciri tarikan yang unik untuk pelancong-pelancong luar negeri. Dari segi membina sebuah negara yang berbilang kaum, pelaksanaan konsep "pemasaran moden" ini dengan sekelop mata mencapai dua matlamat Kerajaan iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, dan yang kedua, ditingkatkan lagi taraf ekonomi penjaja Melayu yang akan mendapat faedah yang semakin bertambah apabila pusat-pusat mereka menjadi semakin popular. Apatah lagi beraneka jenis makanan-makanan yang murah dapat disediakan kepada rakyat jelata. Ia akan menguntungkan golongan berpendapatan rendah di merata tempat.

Tuan Yang di-Pertua, konsep tersebut akan menguntungkan ekonomi kita kerana negara kita telah menjadi semakin mahal, tanah mahal, rumah mahal, belanja buruh mahal, belanja kehidupan mahal jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, sehingga wujudnya tanda-tanda bahaya bahawa kita tidak lagi boleh bersaing dengan Indonesia dan Thailand dari segi perkiraan kos.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa banyak peraturan atau sekatan ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi sebagaimana yang saya contohkan, Kerajaan kita terpaksa

bersikap flexible supaya tidak menjadikan sektor swasta mangsa kepada peraturan tertentu. Akibat kemelesetan ekonomi dunia, ekonomi terbuka kita pun ditimpa kesan-kesan buruknya. Apa yang mustahak ialah jangan dibenarkan peraturan-peraturan yang secara tidak sengaja memburukkan pertumbuhan ekonomi kita, kerana peraturan-peraturan tertentu membelenggu kaki dan tangan sektor swasta. Kalau keadaan ini berterusan, ia memang menghampakan atau mensabotaj apa yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan beliau iaitu menggerakkan sektor swasta.

Sebenarnya, dengan amalan-amalan perlindungan perdagangan yang digemari oleh negara-negara Barat, tidak begitu mudah bagi ekonomi dunia mencapai pertumbuhan yang diharapkan. Disebabkan sekatan-sekatan tertentu ia menjejaskan secara disadari pertumbuhan ekonomi negara kita. Akibatnya pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru mengalami kerugian. Kalau ekonomi negara kita tidak membesar atau terbantut pertumbuhannya, rakyat jelata yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya tumpuan tenaga dan perhatian pemimpin-pemimpin kita hendaklah diarahkan kepada usaha membesarkan kek ekonomi kita. Sebenarnya pemimpin-pemimpin kita hendaklah menggembeling tenaga ke arah usaha yang terpenting ini. Jangan terlalu menumpukan tenaga kepada pembahagian kek sehingga usahanya menjejaskan pertumbuhan kek itu, atau diabaikan kewajipan utama iaitu membesarkan kek sebanyak yang boleh.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemilih Parlimen bagi menyemak

peraturan-peraturan yang diwujudkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dari semasa ke semasa dan menerima aduan daripada orang awam. Garis panduan bagi Jawatankuasa Pemilih ini harus merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

- (i) Apakah peraturan-peraturan yang berkenaan telah didahului zaman?
- (ii) Apakah jentera Kerajaan mampu mentadbirkan peraturan-peraturan tertentu, jika tidak, apakah ia menderitakan pihak tertentu?
- (iii) Apakah peraturan-peraturan tertentu secara tidak sengaja mengurangkan daya pengeluaran bagi jentera Kerajaan atau pihak swasta?
- (iv) Apakah peraturan-peraturan yang berkenaan mengakibatkan inflasi?
- (v) Apakah sektor-sektor swasta tertentu menjadi terbantut kerana sekatan-sekatan tertentu?
- (vi) Apakah peraturan-peraturan tertentu secara tidak langsung mengakibatkan perasaan curiga terhadap Kerajaan.

Sesungguhnya usaha bakal Jawatankuasa Pemilih Parlimen tersebut akan menghasilkan perakuan-perakuan yang akan membantu Kerajaan dalam 'membesar kek ekonomi negara kita.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mewujudkan kekayaan negara sebelum ia dibahagikan, dengan izin, you have to create wealth before you can distribute it, bukan sebaliknya iaitu condong membahagikan kek dan kemudian baru membesar pertumbuhannya.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong belanjawan

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

3.48 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya adalah dirasakan bahawa Belanjawan 1986 ialah satu Belanjawan yang bersifat ringan dan tidak menekan. Dengan merujuk kepada keadaan kemelesetan ekonomi dunia dan kesan yang ditinggalkan ke atas ekonomi Malaysia, beberapa cadangan yang digariskan dalam Belanjawan akan membolehkan sektor swasta memainkan peranannya untuk membantu mempergiatkan semula ekonomi, nampaknya munasabah dan rasional. Akan tetapi bagi rakyat biasa tidak ada apa yang menggembirakan mereka kecuali mereka telah dibebaskan dari cukai-cukai yang tinggi selain daripada kenaikan cukai ke atas minuman keras dan tembakau, sedikit sekali yang boleh menyusahkan sesiapa.

Adalah difahamkan begitu juga Kerajaan bahawa apabila keadaan masa muram, apabila ekonomi lembab tidak seorang menjangka apa-apa kenaikan cukai yang akan menyusahkan rakyat lebih-lebih lagi apabila pilihanraya umum semakin hampir. Tidak hairanlah sebagaimana kata seorang ahli pertanian yang mengulas tentang Belanjawan 1986 dan saya petik di sini: "Jika Belanjawan yang ringan kesannya ialah untuk maksud pilihanraya akan datang adalah baik untuk mengadakan pilihanraya tiap-tiap tahun".

Bercakap bagi pihak rakyat jelata dan orang kebanyakan serta pembayar cukai Malaysia, saya rasa bahawa

Menteri Kewangan hendaklah juga meneliti berbagai aspek yang boleh memberikan pelepasan kepada kalangan pembayar cukai biasa. Cadangan berikut hendaklah mendapat perhatian Kerajaan:

- (1) memberi pelepasan cukai untuk keluarga-keluarga yang terpaksa membelanjakan wang untuk pelajaran anak-anak mereka terutama pelajaran tinggi. Pelajaran ialah suatu bentuk pelaburan manusia dan pelepasan cukai hendaklah ditimbang;
- (2) benarkan potongan cukai untuk faedah-faedah yang dibayar kepada bank kerana pinjaman perumahan untuk kali yang pertama bagi menggalakkan pemilikan rumah;
- (3) memberi rebet cukai untuk bayaran sewa rumah bagi mereka yang tidak mampu membeli rumah. Seseorang pencari nafkah biasa di kawasan bandar pada hari ini terpaksa membelanjakan lebih kurang 1/3 daripada pendapatannya untuk menyewa rumah. Sewa rumah meningkat setiap tahun tetapi kenaikan gajt tahunan seseorang pekerja tidak boleh mengejar kenaikan sewa ini. Kerajaan hendaklah menimbang memberi rebet cukai untuk bayaran sewa rumah. Ramai orang terpaksa tinggal dalam rumah haram atau tinggal di tanah haram kerana sewa rumah yang tinggi atau kerana mereka tidak berjaya mendapatkan sesebuah unit rumah pangsa dan apabila ini berlaku, ia menimbulkan satu masalah kepada Kerajaan;
- (4) Kerajaan hendaklah juga menimbang potongan cukai untuk belanja perubatan kerana ini akan membolehkan para pesakit mendapatkan perhatian

dan rawatan dalam pusat-pusat perubatan swasta atau hospital persendirian dan ini akan membantu meringankan bebanan atau tekanan ke atas hospital Kerajaan atau pusat-pusat perubatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan ke atas pengurangan cukai perkhidmatan dari 10% ke 5% bagi membantu menggerakkan industri pelancongan. Saya telah menyuarakan sejak bertahun-tahun lalu supaya dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan cukai perkhidmatan ini memandangkan kesan serius ke atas pusat-pusat makanan dan industri pelancongan. Hanya pada tahun lepas semasa membahaskan Belanjawan 1985, saya menyeru supaya cukai perkhidmatan 10% dikurangkan menjadi 5%.

Saya gembira kerana Kerajaan telah memberi tindak balas. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah memenuhi keinginan industri makanan dan minuman begitu juga pengusaha-pengusaha hotel. Saya berharap Kerajaan akan menyemak semula cukai perkhidmatan dari semasa ke semasa dan pada akhirnya akan menghapuskan cukai tersebut bagi menggerakkan industri pelancongan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan berbagai insentif dalam bentuk taraf perintis dan kredit cukai pelaburan untuk industri pelancongan. Saya berharap bahawa semua mereka yang terlibat dalam industri pelancongan akan mengambil peluang dari berbagai insentif tidak sahaja untuk memberi lebih banyak tempat penginapan pada kos yang berpatutan untuk para pelancong tetapi juga memberi lebih banyak daya tarikan

pelancongan terutamanya di dalam dan di luar Kuala Lumpur supaya para pelancong dapat melawat ke negara kita ini.

Dengan adanya lebih banyak daya tarikan pelancongan, ini akan membolehkan ramai rakyat Malaysia menghabiskan cuti mereka di sini daripada pergi ke luar negeri. Ini akan membantu kita menyelamatkan pertukaran wang asing dan akan menjadi satu jalan yang berkesan untuk mengatasi masalah defisit invisible.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan fakta bahawa Kerajaan sekarang telah memutuskan untuk memberi keutamaan yang tinggi bagi membaiki dan mengembangkan kemudahan pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong asing ke negara ini di samping menggalakkan pelancongan dalam negeri, saya berpandangan bahawa masanya telah tiba supaya ditubuhkan sebuah Kementerian Pelancongan untuk mengambil tanggungjawab sepenuhnya mengenai hal ehwal pelancongan di tempat kita.

Jika keadaan kewangan Kerajaan tidak mengizinkan untuk mengadakan sebuah Kementerian yang berasingan, maka apa yang boleh dilakukan ialah menyerapkan kementerian yang dicadangkan itu ke dalam salah satu kementerian yang sesuai untuk maksud tersebut. Dengan adanya sebuah Kementerian Pelancongan, ia akan memberi penekanan kepada hal ehwal pelancongan di samping memikirkan persoalan pembangunan secara yang lebih baik.

Apa pun juga, saya suka menegaskan di sini bahawa Malaysia terpaksa membina industri pelancongan yang kuat dan teguh dan menjadikannya satu punca pendapatan pertukaran wang asing yang penting dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya menyentuh di sini dalam Belanjawan 1986 ialah pelajaran yang mana sejumlah \$1,257 juta telah diperuntukkan untuk memenuhi keperluan yang bertambah untuk kemudahan pelajaran yang lebih baik dan banyak. Saya mendapati bahawa gabungan Belanja Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian Pelajaran ialah \$5.3 billion yang menjadikannya lebih kurang 17.2% dari jumlah Belanjawan.

Menimbangkan kepada fakta bahawa kita perlu pertambahan yang lebih banyak dalam kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi bagi membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar Malaysia belajar di negara ini daripada belajar ke luar negeri di samping menyediakan lebih banyak sekolah rendah, lebih banyak bilik darjah, peralatan untuk program pelajaran menengah dan lebih banyak sekolah vokesyenal dan politeknik, maka adalah mendukacitakan bahawa \$1,257 juta yang diperuntukkan untuk belanja pembangunan nampaknya tidak mencukupi. Peruntukan untuk pelajaran hendaklah diberikan peratusan yang lebih besar daripada jumlah belanjawan, bukan banyak 17.2% sahaja.

Berhubung dengan program pelajaran rendah yang menerima peruntukan sebanyak \$174 juta untuk pembangunan, saya berharap Kerajaan akan menyahut rayuan supaya dibina lebih banyak sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bagi menampung kemasukan yang kian bertambah setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada program perumahan awam kos rendah dalam Belanjawan 1986 ialah satu langkah positif yang patut diambil memandangkan betapa teruknya

masalah kekurangan rumah awam kos rendah di negara ini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, peruntukan sebanyak \$300 juta telah disediakan untuk melaksanakan program perumahan. Di samping saya menyokong penekanan diberikan ke atas program perumahan awam kos rendah, adalah juga menjadi keinginan saya bahawa Kerajaan akan juga membina rumah-rumah kos sederhana yang secukupnya bagi menampung keperluan mereka yang berkenaan.

Dengan cadangan peruntukan ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya melaksanakan satu strategi yang lebih berkesan untuk menyejgerakan pembinaan rumah murah. Ini perlu tidak sahaja untuk sektor awam tetapi juga untuk sektor swasta. Selaras dengan objektif ini, saya suka mengulangi seruan saya yang mana telah disuarakan beberapa kali pada masa yang lalu supaya digubal satu Dasar Perumahan Negara. Satu Majlis Perumahan Negara hendaklah ditubuhkan juga bagi mengawasi pelaksanaan Dasar Perumahan Negara.

Satu Dasar Perumahan Negara adalah diperlukan untuk mentakrifkan secara jelas peranan Kerajaan dan sektor swasta dalam memenuhi matlamat perumahan negara. Dasar ini boleh juga memastikan jumlah sebenar rumah yang patut didirikan dalam berbagai kawasan bagi menyamakan tanah yang ada dan keperluan pembeli-pembeli. Dasar ini juga akan membantu mengurangkan faktor jangka masa dalam pembangunan rumah menerusi perwujudan sebuah 'one-stop-agency' untuk melicinkan pembangunan perumahan. Ini perlu kerana proses tempoh masa untuk para pemaju perumahan terpaksa lalui sebelum mereka boleh mendapat semua kelulusan yang berkaitan untuk pembangunan perumahan.

Pembentukan sebuah Majlis Perumahan Negara diperlukan kerana sebab-sebab yang berikut:

- (1) bagi memastikan bahawa perumahan mendapat perhatian utama di negara ini;
- (2) bagi mengkaji, menyelaras dan menyegerakan kelulusan untuk pembangunan perumahan;
- (3) merancang dan melaksanakan satu program perumahan kos rendah dan sederhana yang komprehensif;
- (4) memikul tanggungjawab memastikan kejayaan pelaksanaan program perumahan yang digaris selaras dengan cadangan Dasar Perumahan untuk negara ini.

Cadangan-cadangan di atas hendaklah dikaji oleh Kerajaan dengan tujuan memperbaiki prestasi yang kurang memuaskan di sektor perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sebagai contoh, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, 176,000 yunit rumah kos rendah dijadual akan disediakan oleh sektor awam dan 90,000 yunit oleh sektor swasta. Bagaimanapun, pada akhir tahun yang lalu, sektor awam berjaya menyiapkan 32.4% dari jumlah matlamat dan sektor swasta 16%.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan mencadangkan untuk meminda garispanduan-garispanduan kepada institusi kewangan untuk menetapkan terutamanya satu per tiga kuota untuk rumah di bawah \$100,000 yang ada sekarang disediakan untuk rumah-rumah kos rendah di bawah \$25,000. Penetapan kuota untuk rumah-rumah kos rendah berharga \$25,000 ke bawah adalah dialu-alukan dan saya ingin mencadangkan bahawa hendaklah juga ditentukan atau ditetapkan kuota untuk rumah-rumah kos sederhana berharga \$40,000 ke bawah. Matlamat kuota 25,000 unit rumah berharga

\$100,000 ke bawah yang ada sekarang untuk bank dan syarikat kewangan membiayainya adalah terlalu rendah berhubung dengan jumlah bilangan yunit berkenaan terdapat dalam pasaran.

Kebanyakan institusi-institusi kewangan yang telah mematuhi matlamat kuota oleh Bank Negara tidak akan melayan mana-mana permintaan untuk pinjaman perumahan. Pembeli-pembeli rumah sering mengadu tentang kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan untuk rumah-rumah berharga kurang daripada \$100,000. Adalah dicadangkan bahawa matlamat kuota yang sekarang ditetapkan oleh Bank Negara untuk bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan mematuhiinya patutlah dinaikkan.

Adalah dianggarkan bahawa sejumlah lebih kurang \$20 billion akan diperlukan untuk pembiayaan akhir, atau dengan izin, end-financing di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Pada puratanya, sejumlah \$4 billion diperlukan untuk membiayai pinjaman untuk pembeli-pembeli rumah setiap tahun. Ini diasaskan kepada anggaran kita bahawa lebih kurang 700,000 yunit rumah akan dibina, yang mana majoriti rumah yang dibina ialah kos rendah dan sederhana.

Memandangkan di atas, saya suka menggesa Bank Negara supaya mengarahkan bank-bank perdagangan dan institusi kewangan untuk menambah kuota pinjaman perumahan yang ada sekarang untuk kos rendah dan kos sederhana dan untuk rumah-rumah antara \$40,000 dan \$100,000 memandangkan bahawa penekanan akan diberi kepada pembinaan rumah-rumah dalam kumpulan ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Saya suka juga menggesa Bank Negara supaya mengawasi dengan rapi kuota pinjaman perumahan yang

ditetapkan oleh Bank Negara untuk bank-bank perdagangan dan institusi kewangan bagi dipinjamkan kepada pembeli-pembeli rumah. Ini ialah untuk memastikan bahawa kuota-kuota ini dipenuhi sepenuhnya. Saya juga mencadangkan di sini bahawa pihak berkuasa hendaklah menyemak semula paras pinjaman untuk 10% dan 11% setahun, kerana paras \$100,000 yang ada sekarang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1977 dan 1978 dan harga rumah pada hari ini pada amnya telah meningkat menjadi lebih dua kali ganda daripada paras sebelum itu dan juga paras yang ada sekarang dipakai untuk seluruh negara tanpa mengira tempat. Dengan demikian seorang yang kaya membeli sebuah rumah di sebuah bandar kecil boleh, dengan syarat harga rumah di bawah \$100,000; mendapatkan pinjaman untuk 11% walhal seorang pekerja di Kuala Lumpur ataupun di Petaling Jaya atau lain-lain bandar besar yang ingin membeli sebuah rumah teres akan terpaksa 14% ke 15% oleh kerana sesebuah rumah akan memakan belanja lebih dari \$100,000.

Tuan Yang di-Pertua, tugas terpenting yang perlu disegerakan yang dihadapi oleh Kerajaan dan rakyat pada hari ini ialah sebagaimana hendak mempergiatkan semula ekonomi Malaysia yang telah terperangkap oleh kesulitan ekonomi akibat dari kemelesetan ekonomi yang berlarutan. Tanpa diragukan bahawa kesulitan ekonomi akibat dari kemelesetan yang berpanjangan yang dihadapi oleh Malaysia pada kini, telah terbuka menyebabkan kerapuhan pengeluaran perdagangan dan sektor kewangan di negara kita.

Apa yang menarik perhatian berat saya dan juga rakyat Malaysia kebanyakannya ialah hutang negara yang begitu besar berjumlah \$60.6 billion sehingga 30hb September, 1985. Hutang negara ini mengandungi \$21.1

billion untuk hutang luar negeri dan \$39.4 billion untuk hutang di dalam negeri. Saya juga bimbang mengenai \$5.9 billion dalam Belanja Mengurus tahun 1986 untuk perkhidmatan hutang yang mengambil banyak lebih kurang 19.2% dari jumlah anggaran Belanjawan. Hutang negara telah berakar umbi sejak tahun enam puluh dan tujuh puluhan apabila Malaysia mengalami pertumbuhan yang pesat. Masa itu ialah tempoh masa perdagangan bebas dan perkembangan seluruh dunia. Dengan penemuan minyak, Malaysia boleh membelanjakan tanpa berhati-hati. Subsidi-subsidi awam yang besar, program-program Dasar Ekonomi Baru dan pertumbuhan sektor awam telah mewujudkan satu pengaliran keluar yang besar ke atas simpanan negara dan ini menyebabkan hutang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang baik itu telah berlalu dan kini temasya telah berakhir. Kemeriahan tidak selama wujud. Kita telah mabuk dan menjadi lalai. Sekarang dengan saat yang sukar kita mestilah dengan tenang mengkaji keadaan kini. Usaha-usaha terbesar mestilah dibuat untuk mengurangi hutang negara awam terutamanya hutang luar. Terdapat banyak jalan untuk berbuat demikian termasuk memotong perbelanjaan yang membazir, menghentikan semua projek mewah, mengurangi perbelanjaan oleh Agensi-agensi Luar Belanjawan dan menjadi lebih produktif lagi dengan melicinkan pentadbiran Kerajaan. Kawalan lanjutan ke atas perbelanjaan seperti pengurangan peruntukan bagi Agensi Luar Belanjawan sebanyak \$2 billion adalah satu langkah ke arah yang betul.

Belanjawan tahun 1986 ialah pada asasnya bersifat mengutamakan sektor swasta dengan pengemukaan beberapa intensif untuk sektor pembuatan, pelancongan dan pertanian. Sama ada semua insentif ini akan berjaya akan

bergantung kepada dua faktor yang penting. Satu daripadanya ialah bagaimana baiknya strategi pemasaran kita; dan yang kedua, sama ada birokrasi sanggup atau bersedia memainkan peranannya untuk memastikan bahawa insentif-insentif yang diberikan tidak terbuang begitu sahaja.

Langkah-langkah lanjut mestilah diambil bagi melicinkan lagi pentadbiran Kerajaan dan mengatasi masalah red-tape di semua peringkat di dalam pentadbiran. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa kedua-dua pelabur baik di dalam dan luar negeri adalah amat bosan mengenai masalah red-tape di jabatan Kerajaan yang memberi kesan ke atas iklim pelabur-pelabur. Akibat dari red-tape dan birokrasi terdapat banyak longgokan permohonan untuk semua jenis projek dan pelaburan. Ini mesti diatasi. Kerajaan mesti melaksanakan satu strategi untuk membereskan longgokan kerja itu. Jika ini boleh dilakukan, rancangan-rancangan pelaburan boleh dilaksanakan dengan cara yang cekap. Pada masa ini jutaan ringgit pelaburan adalah terikat dengan birokrasi dan pihak berkuasa pengatur seperti Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Terbitan Modal.

Saya suka mencadangkan penubuhan sebuah Pasukan Petugas ataupun Pasukan Pengawas yang akan melawat setiap jabatan dan Kementerian bagi memeriksa longgokan kerja-kerja kebelakangan yang belum diatasi. Tiap-tiap jabatan Kerajaan mestilah mendedahkan senarai permohonan bagi projek-projek yang masih belum diproses lagi. Satu jadual waktu mestilah digunakan bagi meluluskan semua jenis permohonan. Sebagai contoh apa-apa projek yang bernilai \$5 juta dan ke bawah mestilah diproses dan diluluskan dalam tempoh tidak lebih 3

bulan dan apa-apa projek yang lebih daripada \$5 juta hendaklah jangan melebihi masa 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan usaha-usaha yang lanjut diambil untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam melalui proses penswastaaan dan untuk menambah pengeluaran dan kecekapan sektor awam. Mengenai konsep penswastaaan, saya ingin mencadangkan bahawa garis panduan-garis panduan akan disiapkan dan disebar kepada umum terutama untuk kemudahan-kemudahan bakal-bakal pelabur yang berpotensi.

Dalam hubungan ini, Kerajaan hendaklah menumpukan usaha-usahanya ke atas sebilangan kecil projek-projek strategik bagi memaksimumkan kejayaan. Kerajaan mestilah mengambil kira syor-syor yang berikut:

- (1) Menumpukan ke atas hanya projek-projek yang viable dan menguntungkan terutamanya yang melibatkan penjimatan pertukaran asing dengan banyaknya.
- (2) Mengelakkan daripada projek-projek yang menggunakan modal yang besar yang melibatkan jumlah pinjaman besar yang bertambah jangka panjang yang pulangnya ke atas pelaburan sangat rendah dan kurang mewujudkan peluang pekerjaan.
- (3) Meningkatkan galakan projek-projek pertanian, akuakultur dan yang bersumber jenis semula jadi.
- (4) Menekankan bahawa pengeluaran makanan sebagai satu bidang yang utama. Oleh kerana terpengaruh dengan lain-lain jenis tanaman maka kita telah mengabaikan pengeluaran

makanan. Kita mesti sekarang ini membuat pengeluaran makanan sebagai satu perusahaan jenis strategik.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sekiranya perkara-perkara tadi dapat dilaksanakan, Kerajaan akan mewujudkan peluang-peluang untuk sektor swasta.

Satu lagi masalah besar yang menghadapi Malaysia pada hari ini ialah kecairan yang ketat dan himpitan kredit dalam ekonomi. Perniagaan scale kecil dan sederhana yang kebanyakannya terdapat dalam negara kita telah mengalami kesukaran besar dalam mendapat modal dan kemudahan-kemudahan kredit pada kos dan kadar faedah yang munasabah. Sungguhpun Bank Negara telah pun memasukkan wang ke dalam ekonomi dengan menyediakan sebanyak \$1.5 billion tetapi persoalannya adakah ini mencukupi? Adalah benar untuk menyatakan bahawa seluruh masyarakat perniagaan kita termasuk juga kakitangan awam pada hari ini mengalami penyakit aids. Diharap jangan disalah aham kepada saya, ianya bukan jenis "aids" yang pihak berkuasa kesihatan sedang mengambil perhatian. Tetapi ianya jenis aids yang lain yang dikenali di kalangan peniaga sebagai, dengan izin, acute income deficiency syndrome, adalah ke arah aids jenis ini yang Kerajaan patut menyelesaikan bagi memulihkan ekonomi di negara kita. Saya telah memperhatikan bahawa Kementerian Kewangan telah dalam percubaan mengatasi masalah ini mengambil keputusan untuk memberi pengecualian cukai ke atas keuntungan yang diperolehi di luar negeri. Adalah masih awal bagi memastikan bagaimana cadangan Kerajaan untuk memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan komisyen yang dibayar di luar negeri kepada rakyat Malaysia dan juga pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan yang diperolehi di luar

negeri akan membantu membawa masuk lebih banyak wang bagi pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, bekalan kewangan terpaksa diperkembangkan jika kita hendak melonggarkan keadaan kecairan. Kadar faedah terpaksa dikurangkan kepada satu peringkat yang lebih competitive dan Bank Negara mestilah memastikan bahawa Bank Negara tidak akan mengenakan satu faedah yang tinggi walaupun kadar pinjaman asas adalah lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diterima pada amnya bahawa aliran modal asing adalah cara lebih murah untuk membiayai pembangunan daripada pinjaman asing yang berakhir dengan bayaran faedah dan hutang asing yang besar. Adalah dengan pandangan ini bahawa saya berpendapat cadangan oleh Kerajaan untuk menarik balik atau membatalkan pengecualian cukai ke atas bayaran faedah untuk pinjaman yang diluluskan dan pinjaman jangka panjang dan kenaikan 5% lagi ke atas cukai pegangan menjadi 20% adalah bukan satu langkah yang praktik. Ini kerana cadangan ini akan menambahkan lagi beban ke atas mereka yang perlu menaikkan "off shore loans" dan kadangkala adalah perlu bagi sektor swasta menambah pinjaman jangka panjang daripada luar negeri untuk projek-projek pembangunan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya sesungguhnya percaya bahawa Malaysia mestilah menjadi sebuah negara perniagaan yang utama jika pertumbuhan ekonomi yang tetap hendak dikekalkan. Kita hendaklah merebut bahagian yang adil dari pasaran dunia yang terus berkembang.

Pada masa ini dasar dan sikap kita masih memandang ke belakang dan nampak terperangkap oleh sikap pendekatan pasaran kita yang mundur. Banyak yang perlu dilakukan oleh

kerajaan. Saya mencadangkan di sini bahawa satu strategi pemasaran dan rancangan hendaklah ditubuhkan antara Kerajaan dan sektor swasta dalam semangat tulen menurut konsep Persyarikatan Malaysia ataupun Malaysia Incorporated. Bangsa Jepun dan Korea telah membuktikan bahawa untuk hidup bangga ini sahajalah menjadikan jalan keluar.

Ekonomi dunia dalam tahun 1986 nampaknya masih muram dan tidak ada perubahan besar yang dijangkakan. Negara-negara perusahaan dijangka mencatat satu pertumbuhan yang perlahan sebanyak lebih kurang 3.1%. Memandangkan di atas pandangan permintaan luar untuk barang-barang Malaysia tidak begitu cerah yang disangkakan dalam tahun 1986 sejauh negara perindustrian yang berkenaan yang menjadi rakan perdagangan tradisi untuk kita. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada sektor minyak sahaja dan andaian bahawa harga minyak akan berada pada paras harga US\$26 setong.

Kita mesti ingat bahawa minyak ialah punca asli yang semakin mengurang dan bergantung ke atas pertambahan pengeluaran minyak kepada \$510,000 tong sehari dalam tahun 1986 mencapai pertumbuhan Ketuaran Negara Kasar atau KNK sebanyak 6% pada tahun hadapan. Ini bukan satu langkah yang bijak. Walau bagaimanapun, saya bimbang bagaimana kita boleh berharap untuk mencapai pertumbuhan 6% pada tahun 1986. Saya fikir kita terlalu optimis, kita hanya boleh barangkali hanya mencapai satu pertumbuhan sebanyak 4 ke 5% sahaja. Kalau ini menjadi scenario pada tahun 1986 adalah jelas bahawa kita terpaksa berbuat lebih banyak dari apa yang dicadangkan dalam Belanjawan.

Bagaimanapun saya harap strategi Belanjawan 1986 dan semua langkah kewangan dan fiscal yang dicadangkan

akan membantu ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan 6% walaupun saya masih sangsi terhadapnya. Saya berpendapat bahawa kita masih hendak bergantung kepada perniagaan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Jika pasaran tradisi tidak boleh banyak membantu dalam soalannya ini maka kita mesti mencari pasaran yang baru. Dengan kenyataan ini kita hendaklah mengarahkan pandangan kita kepada pemodenan ekonomi di Negeri China. Walaupun pasaran China menghadapi berbagai-bagai rintangan ataupun constraints, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, Malaysia hendaklah jangan meninggalkan peluang ini merebut sebahagian faedah dari pemodenan ekonominya.

Saya suka mencadangkan di sini bahawa Kerajaan dan sektor swasta hendaklah menyelaras satu pelan induk bagi menyaingi ataupun to compete dengan izin, dengan secara hebat dengan lain-lain negara bagi mendapatkan faedah dari program pemodenan China. Pasaran China apa juga sekatannya memberi satu alat keselamatan yang kritikal bagi ekonomi dunia yang lembab. Ia boleh menggerakkan perdagangan kita yang sekarang menderita kerana langkah perlindungan dalam negara-negara perindustrian.

Saya harap bahawa Kerajaan akan mengambil satu pendekatan positif yang bebas ke arah persoalan Negeri China yang bermula dengan perdagangan dan membenarkan penyertaan yang lebih aktif ahli-ahli perniagaan Malaysia di Negeri China selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Peking pada bulan yang akan datang. Kita mesti merebut peluang-peluang yang baik dari pasaran China dan ke arah inilah maka Kerajaan hendaklah menghapuskan semua bentuk sekatan yang akan menghalang pencapaian objektif ini. Kerajaan janganlah terlalu

mementingkan keselamatan sahaja dalam hubungan dengan China, oleh kerana ini akan menjadi tidak produktif terutamanya jika ada hubungan dengan masalah perniagaan.

Dunia kini menyedari bahawa rejim baru China membuka pintunya demi kemajuan dan pemodenan dan kita di Malaysia hendaklah mengambil sepenuh kesempatan dari program pemodenan Negeri China dan menikmati faedah daripadanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

4.26ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh membayangkan betapa susahnya Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk merangka satu Belanjawan di zaman meleset, untuk mengambil tidak wajar, untuk memberi tidak mampu. Memang ada batasnya untuk rakyat boleh membayar cukai-cukai baru dan ada pula hadnya untuk Kerajaan berbelanja. Pihak Pembangkang mengatakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan pilihanraya. Sebenarnya mereka tentulah merasa hampa dengan Belanjawan kerana tidak ada ruang untuk mereka mengutuk Kerajaan seperti yang biasanya mereka lakukan bila ada cukai-cukai baru dikenakan. Kali ini pula mereka barangkali terpaksa bersetuju bila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenakan cukai tambahan ke atas arak, judi dan rokok yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam istilah Pembangkang hanya ada

dua mengenai Belanjawan iaitu yang pertama Belanjawan pilihanraya dan lagi satu Belanjawan yang membebankan. Sebentar tadi kita telah mendengar Yang Berhormat dari Kuata Lumpur Bandar menyebut seorang sahabat, sebenarnya cakap dia itu iaitu kalau Belanjawan dekat pilihanraya tidak membebankan, lebih baik kita adakan pilihanraya tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya itu adalah cakap dia tetapi yang sebenarnya baru tadi saya berbisik. . . .

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Penjelasan, saya tidak menyatakan dalam ucapan saya bahawa saya mengharapkan ada kes pilihanraya tiap-tiap tahun. Sebenarnya apa yang saya ucapkan tadi ialah apabila saya memetik ulasan daripada seorang petani ataupun dari orang ramai yang menyatakan sekiranya Belanjawan 1986 ini tidak menyakitkan sesiapa dan oleh kerana ini mungkin ada pilihanraya maka lebih elok sekiranya pada tiap-tiap tahun ada pilihanraya. Apa yang saya hendak membetulkan untuk rekod ialah bahawa saya tidak menyatakan demikian tetapi saya hanya memetik daripada ulasan yang dibuat oleh salah seorang anggota orang ramai yang membuat ulasan. Itu sahaja.

Tuan Alias bin Md. Ali: Betullah itu lebih kurang. Orang yang menyebut dengan orang yang membuat quotation dalam Dewan ini barangkali begitulah pendapat mereka. Apa yang saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, di sini ialah bahawa rakyat janganlah direndah-rendahkan kemampuan untuk mengingati apa yang Kerajaan buat. Dia ingat apa yang berlaku 5 tahun, 4 tahun, 3 tahun dan 2

tahun yang lalu dan bukan apa yang kita buat sekarang ini sahaja yang dia ingat, dan oleh kerana Kerajaan telah pun mengalami pilihanraya banyak kali dan menang maka tentulah rakyat boleh menilai bahawa kita tidak mengenakan Belanjawan yang lunak hanya dekat masa pilihanraya untuk mengambil hati mereka supaya mengundi kita semata-mata tetapi kita adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan tahu bila patut kita minta rakyat berkorban dan bila patut kita minta kita sendiri—Kerajaan patut berkorban.

Itulah rahsia di sebalik kejayaan Barisan Nasional yang terus menerus di dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini disiapkan di dalam suasana negara sedang merasakan kesan negatif dari kemelesetan sedunia. Tidak siapa yang tahu sama ada kesan buruk ini sudah tiba kepuncaknya atau belum. Yang pasti ialah kita sekarang sedang merasakan suatu keadaan menurun di dalam semua sektor ekonomi. Pertumbuhan ekonomi kita merosot sebanyak 2.4% dari kadar tahun lalu. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pertumbuhan 5.2% yang dijangka dicapai tahun ini masih lagi tinggi kalau dibandingkan dengan 3.6% purata yang dicapai oleh lain-lain negara membangun. Kita juga patut bersyukur bahawa kadar pertumbuhan kita melebihi kadar purata perkembangan negara-negara ASEAN sebanyak 2.7%. Masalah kita, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ialah masalah psikologi. Kita sudah amat biasa dengan kadar pertumbuhan yang begitu tinggi sehingga kita merasa kusar bila menghadapi perubahan pertumbuhan yang menurun. Keadaan ini sebenarnya samalah seperti seorang

yang sudah biasa memandu sebuah kereta 6 selindar, tiba-tiba terpaksa pula memandu sebuah kereta 4 selindar. Tentulah mula-mulanya ia akan merasa tidak selesa tetapi bila dia sudah dapat membiasakan dirinya dengan kereta yang kurang powernya, dia akan merasa senang juga oleh kerana yang penting ialah dia masih lagi memandu kereta.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah bersyukur bahawa negara kita mempunyai struktur ekonomi yang setakat ini mampu menerima tekanan kemelesetan dunia yang ada. Kita tidak bergantung kepada satu-satu sektor yang tertentu. Ekonomi kita merupakan campuran daripada commodity pertanian, perlombongan dan pengeluaran yang ternyata merupakan struktur yang boleh menerima tekanan resesi yang lebih baik daripada lain-lain bentuk ekonomi. Negara jiran kita misal yang bergantung kepada perkhidmatan ternyata menerima kesan yang lebih buruk daripada kita. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah pula bermakna kita tidak harus berbuat sesuatu untuk menambah daya tahanan kita. Langkah-langkah kewangan dan bukan kewangan perlu difikirkan untuk membolehkan bahan-bahan pengeluaran kita mendapat pasaran yang lebih luas. Ini bukanlah satu langkah yang mudah apa lagi ketika negara-negara membangun sedang menyempitkan pintu kepada kemasukan barangan dari negara-negara membangun.

Maksud saya negara-negara maju yang sekarang ini sedang menyempitkan pintu kepada kemasukan barang-barang negara membangun bagi tujuan memperbaiki deficit dan membetulkan imbalan pembayaran masing-masing. Tentulah langkah ini tidak menyenangkan kita tetapi di samping berusaha supaya mereka membuka pintu lebih luas, kita juga harus memeriksa sama ada harga

barangan kita sudah tidak competitive di pasaran dunia. Kiranya ini benar kita harus pula memeriksa sebab-sebab keadaan ini berlaku. Adakah ia berlaku kerana kos pengeluaran bahan-bahan eksport kita terlalu tinggi hingga menyebabkan kita tidak lagi competitive di pasaran antarabangsa. Kalau itu benar maka langkah-langkah yang sewajar perlu diambil dengan segera bagi menambah kecekapan melalui proses permodenan jentera dan manusia.

Saya cadangkan supaya satu kajian terperinci dibuat meliputi semua sektor penting ekonomi kita, khususnya sektor-sektor yang mempunyai komponen eksport yang tinggi seperti sektor lombong, pertanian dan pengeluaran. Kita juga harus memeriksa sama ada syarat-syarat bayaran eksport kita cukup flexible bila berhadapan dengan negara-negara pembeli yang menghadapi kesukaran pertukaran wang asing.

Saya menimbulkan hal ini oleh kerana baharu-baharu ini kita telah mendengar bahawa kita telah kehilangan sebuah negeri pelanggan yang banyak membeli minyak sawit kita iaitu India. India yang menghadapi masalah pertukaran wang asing tidak mampu lagi meneruskan pembelian minyak sawit kita dengan syarat-syarat lama, kerana itu mereka telah berpaling ke Indonesia kerana negara itu sanggup membekalkan minyak sawit yang lebih murah secara barter trade, akhirnya kita telah kehilangan pelanggan yang terbesar. Penarikan diri India di saat kita amat memerlukan pasaran bagi menstabilkan harga minyak sawit itu merupakan satu kehilangan yang amat dirasakan. Saya berharap masanya belum terlewat untuk kita membuka semula rundingan dengan Kerajaan India supaya kita dapat terus menjual minyak sawit kita kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit kita telah merosot sebanyak 4.5%

sejak akhir-akhir ini berbanding dengan nilai matawang negara-negara yang menjadi rakan perdagangan kita. Banyak orang risau apabila nilai ringgit kita turun terutama dengan nilai dollar Singapura. Kebanyakan orang mahu melihat nilai ringgit kita terus menerus naik supaya mereka boleh berbelanja dengan lebih mewah di luar negeri. Bagaimanapun, kesan negatif dari kenaikan nilai ringgit ini ialah pengaliran keluar matawang kita dan serentak dengan itu pula harga eksport barangan kita menjadi tidak competitive menyebabkan pelanggan-pelanggan kita mula mencari alternative dan membeli dari lain-lain negara pengeluar. Akhirnya, kita bukan sahaja akan melihat pengaliran wang keluar kerana rakyat kita berbelanja lebih untuk barangan import atau melancong ke luar negeri tetapi kita juga dapati aliran wang masuk yang mula menurun kerana dunia sudah kurang membeli barangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang asaha untuk menjimatkan belanja di dalam keadaan sekarang sangatlah dialu-alukan. Saya bersetuju penuh dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa saiz pekerja-pekerja sektor awam terlampau besar dan memerlukan pemeriksaan secara terperinci bagi maksud mengurangkan jumlahnya dan sekali gus mengurangkan pula Belanja Mengurus yang sekarang berjumlah \$22 billion. Wang jumlah ini merupakan satu kenaikan yang kecil iaitu sebanyak 2% dari tahun lalu, namun dari segi amaunnya adalah besar.

Dalam keadaan ekonomi yang tumbuh segar, keadaan ini mungkin boleh dilupakan tetapi di dalam suasana kemelesetan seperti yang kita rasakan sekarang, perbelanjaan begitu besar kerap dipersoalkan. Untuk bersikap positif saya sebenarnya tidak mahu memperhitungkan dari segi amaun yang dibelanjakan tetapi yang

lebih penting pada saya ialah apakah belanja itu perlu dan apakah hasil yang diperolehi daripada perbelanjaan itu setimpal pula dengan hasil daripada wang yang kita belanjakan itu setimpal dengan jumlah wang yang kita belanjakan. Apakah setiap sen yang kita belanjakan itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang productive.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita mengatakan di sini bahawa dari apa yang kita boleh tihat dan apa yang kita dengar usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti masih belum mencapai hasilnya. Pembaziran di dalam sektor awam masih lagi berlaku. Kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh satu orang telah dilakukan oleh tiga atau empat orang. Yang lebih ketara lagi ialah terdapat tiga orang yang menjadi mandor bagi seorang yang bekerja. Pemasyhuran oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya baru-baru ini bahawa 75% daripada pekerja-pekerja di Jabatan Kerjaraya adalah malas merupakan satu pengakuan yang amat berani yang perlu diterima dengan serius. Kalau ini benar, maka adakah ini bererti sejumlah hampir \$128 juta yang diminta oleh Belanjawan ini untuk membayar gaji pekerja-pekerja Jabatan berkenaan adalah membazir. Oleh kerana tuduhan ini amat serius dan menyentuh satu bilangan pekerja yang amat ramai, maka saya ingin mencadangkan di sini supaya satu jawatankuasa peringkat tinggi ditubuhkan untuk menyasiat kenyataan ini. Kalau perlu, jawatankuasa ini patutlah juga menyasiat kemungkinan wujudnya keadaan yang serupa dalam iain-lain Jabatan Kerajaan, baik Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan atau agensi-agensi Kerajaan yang lain. Saya tidak mahu percaya sepenuhnya kenyataan Yang Berhormat Menteri itu tetapi saya juga tidak mahu mengeneipikan begitu sahaja kenyataan itu sebagai satu "publicity stunt", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, fokus terhadap prestasi pekerja-pekerja di perkhidmatan awam sejak akhir-akhir ini tidak dapat dielakkan akibat adanya tuntutan CUEPACS. Di dalam suasana ekonomi yang sihat, saya bersetuju dengan pemimpin-pemimpin CUEPACS bahawa isu tuntutan gaji ini tidak perlu di'politicise'kan, tetapi dalam keadaan ekonomi yang meleset, ahli-ahli politik mestilah mengkaji kesan dari tuntutan itu kepada pengundi yang tidak makan gaji. Semua orang mestilah ingat bahawa ahli-ahli politik tidak hanya mewakili 75,000 pekerja di sektor awam tetapi mereka mestilah mengambil ingatan bahawa sebilangan besar daripada para pengundi tidak makan gaji dengan Kerajaan. Ahli-ahli politik mestilah mengambil kira bilangan penganggur-penganggur yang kian bertambah. Angka terbaru menunjukkan kadar pengangguran kita meningkat dari 6.3% tahun lalu kepada 7% tahun ini. Angka ini mungkin meningkat lagi tahun hadapan dengan kembalinya pekerja-pekerja kita daripada negara jiran, Singapura. Ahli-ahli politik juga mesti mengambil kira peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesempitan peluang untuk mencari nafkah. Kita juga mesti sedar bahawa selain dari kenaikan baru yang diberi, petugas-petugas di sektor awam terus juga menikmati kenaikan biasa tahunan dan juga jaminan kerja yang berterusan, sama ada di zaman inflasi atau resesi sehingga mencapai umur bersara.

Apabila ini dilihat dari pengangguran yang bertambah akibat dari pembuangan kerja di sektor swasta, maka jelaslah bahawa Kerajaan sebenarnya sudah murah hati bila ia meluluskan kenaikan berjumlah \$320 juta bagi kenaikan awam peringkat bawahan. Memang tidak ada perkataan lain yang lebih tepat datam hal ini selain daripada "murah hati". Di negeri jiran, para pekerja sektor awam secara sukarela tidak mahu

menerima kenaikan gaji baru, malah mereka tidak pun membantah bila Kerajaan memutuskan untuk menurunkan gaji permulaan bagi ahli-ahli perkhidmatan awam yang baru masuk. Sebenarnya di dalam keadaan ekonomi meleset hanya pekerja-pekerja yang bergaji sahaja yang boleh merasa selamat, lebih-lebih lagi pekerja-pekerja di dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa aspek daripada Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mula-mula mengenai Pelajaran. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memaklumkan kepada kita bahawa peruntukan bagi tujuan pelajaran tahun depan ialah berjumlah \$1,250 juta. Peruntukan ini adalah besar dan memandangkan peruntukan yang amat besar ini adalah wajar perkhidmatan ini diberi penelitian yang lebih besar oleh semua pihak. Yang pertama perlu disoal ialah sama ada matlamat pembelajaran itu sendiri telah ditentukan kepada landasan yang tepat dengan keperluan individu para pelajar dan juga keperluan negara. Pada himat saya terdapat satu keadaan yang amat kritikal di dalam sistem persekolahan kita yang memerlukan satu perubahan segera, iaitu pada peringkat sekolah menengah.

Saya memerhatikan adanya satu bilangan yang amat besar pelajar-pelajar kita yang gagal mendapat gred yang baik di dalam peperiksaan SPM. Mereka tidak mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran, terutama bagi mereka yang miskin tidak mampu melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah swasta. Bersenjatakan gred 2 atau gred 3 yang ada di tangan mereka, golongan ini memasuki pasaran buruh tanpa apa-apa persiapan, tanpa apa-apa kepandaian. Ada di antara mereka yang menganggur sehingga bertahun-tahun lamanya. Mereka menjadi satu beban kepada ibu bapa dan di dalam

usia yang amat produktif itu mereka menjadi satu kumpulan yang tidak memberi apa-apa sumbangan kepada perkembangan negara. Tentulah kita mengatakan bahawa itu adalah salah mereka sendiri yang terlalu memilih kerja. Sektor ladang masih lagi memerlukan tenaga pekerja dan mereka patut jangan membuang masa menunggu pekerjaan di sektor moden yang tidak kunjung tiba. Soalnya ialah anak-anak belasan tahun ini telah diberi orientasi selama 11 tahun di sekolah-sekolah rendah dan menengah di dalam bidang akademik. Apabila mereka berhenti sekolah, mereka tidak tahu apa-apa mengenai kehidupan ladang atau selok-belok pertanian. Apabila mereka berhenti sekolah, mereka tidak boleh berdiri di atas kaki sendiri dan terpaksa mengharap belas kasihan orang lain untuk memberi mereka pekerjaan sebagai kerani, polis, askar atau buruh. Keadaan yang serupa sudah menjangkiti lulusan institusi pelajaran tinggi kita. Oleh kerana mereka merupakan satu masyarakat yang lebih terdidik, maka mereka akan menjadi satu masalah yang lebih besar kepada masalah yang lebih besar kepada masyarakat dan negara sekiranya bilangan penganggur-penganggur berijazah ini bertambah dari tahun ke tahun.

Pada pendapat saya sudah sampai masanya untuk kita mengkaji semula matlamat pembelajaran di negara ini, terutama pada peringkat sekolah menengah dan tinggi oleh kerana negara berbelanja begitu besar setiap tahun untuk menampung kos pelajaran. Investment yang besar ini perlulah membawa dividen kepada negara dalam bentuk melahirkan satu kumpulan tenaga manusia yang harus boleh menjadi produktif sebaik-baik sahaja mereka memasuki masyarakat. Kurikulum sekolah menengah dan tinggi perlu disusun semula supaya tidak terlalu menekankan pelajaran akademik, tetapi sebaliknya objektif

pembelajaran kita haruslah bersifat functional. Dalam erti kata lain, sekolah-sekolah haruslah mengajar anak-ariak kita ' bagaimana boleh mencari nafkah sendiri bila mereka lepas sekolah. Oleh itu, haruslah dititikberatkan mata pelajaran-mata pelajaran yang berbentuk praktikal yang kira-kira boleh menambah kepandaian kepada murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan tahmah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah memberi peruntukan yang murah hati dan besar kepada sektor pertanian, iaitu sebanyak \$1,668 juta atau kira-kira 19% daripada keseluruhan peruntukan Pembangunan. Peruntukan ini tentulah mencerminkan sumbangan sebenar sektor pertanian kepada GNP, iaitu 20%. Selain daripada itu, sektor perladangan juga boleh berkembang sendiri tanpa sokongan yang kuat menerusi langkah-langkah Belanjawan, iaitu dengan cara mendapatkan sokongan dari punca kewangan di luar Kerajaan. Bagaimanapun, seperti yang dinyatakan di dalam Laporan Ekonomi 1985/86, sejak beberapa tahun kebelakangan sektor pertanian yang mempunyai daya eksport yang tinggi telah diabaikan. Penanaman modal yang amat tinggi di dalam bidang harta yang tidak mempunyai daya eksport telah menarik sebahagian besar sumber-sumber kewangan daripada sistem bank. Keadaan ini tidak harus dibiarkan berlaku. Sistem bank perlu diingatkan supaya terus memberi sokongan yang kuat kepada sektor pertanian terutama bagi membiayai projek-projek yang boleh mendatangkan pertukaran wang asing atau projek-projek berbentuk import substitute.

Kita telah berjaya di dalam proses mempelbagaikan pertanian kita. Kelapa sawit sekarang merupakan tanaman utama di samping getah.

Malaysia sekarang membekalkan 55% daripada keperluan dunia. Bagaimanapun, kita menghadapi persaingan yang kuat dari lain-lain negara pengeluar yang dapat membekalkan minyak sawit dengan harga yang lebih murah. Oleh yang demikian, kita perlulah mengambil apa juga langkah yang perlu bagi memastikan bahawa perusahaan kelapa sawit kita tidak akan mengalami nasib seperti getah.

Masalah utama kita ialah kekurangan buruh. Masalah ini menimpa perusahaan getah dahulu dan ia juga sedang menimpa kelapa sawit. Di dalam soal getah kita telah berjaya memperbaiki input-input dengan mencipta benih yang baik yang mengeluarkan hasil yang baik. Kita juga telah berjaya mendapatkan value added kepada pengeluaran getah kita dengan meningkatkan mutu getah yang dieksport tetapi kita telah gagal untuk mencipta suatu sistem yang ekonomik untuk mengeluarkan susu getah. Akibatnya susu tidak keluar daripada pokoknya kerana kekurangan tenaga penoreh dan kilang-kilang SMR dan lain-lain kilang yang didirikan untuk memberi value added kepada pengeluaran getah menghadapi masa depan yang tidak tentu.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan kilang sawit juga boleh menghadapi nasib yang serupa. Kajian-kajian yang intensif sedang dilakukan oleh PORIM bagi memperluas penggunaan minyak sawit. Kilang-kilang penapis yang menelan belanja dalam lingkungan puluhan juta telah didirikan di merata tanahair untuk memberi value added kepada minyak sawit, tetapi kita menghadapi kekurangan tenaga untuk menurunkan buah kelapa sawit dari pokoknya dan membawanya ke kilang.

Kita bergantung kepada buruh asing. Ini bererti sebahagian besar daripada pertukaran wang asing yang kita perolehi daripada eksport minyak

sawit itu akan kembali semula ke luar negeri dikirim balik oleh buru-buruh asing yang bekerja di ladang-ladang kelapa sawit. Dan apa akan jadi kepada perusahaan minyak sawit kita sekiranya satu ketika buruh asing ini nanti tidak lagi diperolehi dan apa yang akan jadi kepada investment besar di dalam sektor perladangan ini sekiranya sektor pembuatan dan lain-lain sektor bukan tradisional berkembang amat cepat dan terpaksa menarik buru-buruh yang sekarang bekerja di ladang-ladang. Apakah nanti kita akan melihat ulangan nasib yang menimpa kepada perusahaan getah. Untuk mengelakkan kemungkinan ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mempunyai satu jawatan dan jawapan itu ialah penggunaan jentera.

Apa yang malang ialah bahawa sistem perladangan yang ada sekarang tidak mempunyai disiplin bagi menerima jentera. Saya difahamkan beberapa jenis jentera menuai buah sawit telah pun dicuba tetapi tidak ada satu pun yang didapati sesuai. Soalnya sekarang ialah sama ada jentera mesti disesuaikan dengan disiplin ladang atau keadaan ladang mesti didisiplinkan untuk menerima jentera. Jawapan kepada persoalan ini mestilah dicari dan dicari secepat mungkin supaya perusahaan sawit kita tidak menimpa zaman gelap seperti yang berlaku pada getah.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah menyentuh usaha-usaha urituk memberi nilai tambahan (value added) kepada kelapa sawit dengan cara menggalakan pengeksporan minyak sawit yang sudah ditapis. Usaha kita ini nampaknya menghadapi rintangan dari negara-negara pengimport melalui dasar cukai. Kadar cukai yang tinggi telah dikenakan ke atas kemasukan minyak yang ditapis bagi menggalakan para pengusaha mereka menjalankan kerja-kerja menapis di dalam negeri. Sebaliknya

kita telah mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi kepada minyak mentah yang dieksport bagi menggalakkan pertumbuhan kilang-kilang penapis di dalam negeri.

Saya diberi tahu bahawa ada negara jiran yang mengimport minyak sawit yang sudah bertapis dengan mengambil peluang daripada bayaran cukai import yang rendah dan minyak yang sama diproses semula untuk menjadi minyak mentah untuk dieksport ke negara ketiga. Saya berharap perkara ini disiasat dan kalau didapati benar, langkah-langkah selanjutnya perlu diambil bagi membetulkan keadaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai sektor pelancongan yang nampaknya di dalam Belanjawan ini telah mendapat perhatian yang besar melalui beberapa galakan cukai dan peruntukan yang bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya langkah-langkah menggalakan pelancongan ini telah diambil sejak beberapa tahun yang lalu mengenai berbagai-bagai galakan dan nampaknya pihak pengusaha pelancongan kita telah menyambut baik langkah galakan itu dengan membina hotel-hotel baru terutama di Kuala Lumpur dan lain-lain destinasi pelancongan seperti Langkawi, Pulau Pangkor, Port Dickson dan Pulau Pinang.

Pengusaha hotel nampaknya telah menyambut tawaran Kerajaan bagi mendapatkan kredit cukai hotel sehingga 1986. Hasil dari keadaan ini terdapat tambahan 12 buah hotel baru dalam tahun ini dengan jumlah biliknya bertambah sebanyak 124% menjadi 9,320 buah bilik. Tambahan bilik-bilik hotel yang baru ini telah menyebabkan penurunan kadar harga bilik secara mendadak terutama di Kuala Lumpur. Sudah tentulah ini baik bagi masa depan pelancongan kita.

Soalnya ialah dengan adanya perlumbaan yang sengit itu dan dengan berkurangnya minat pelancong-pelancong di seluruh dunia akibat keadaan meleset, apakah yang akan jadi kepada perusahaan hotel kita, lebih-lebih lagi hotel-hotel yang baru, yang baru dibina dengan kos yang tinggi.

Saya diberi tahu bahawa pada masa ini kebanyakan hotel mempunyai kadar penyewa di dalam lingkungan 50% capacity rate iaitu suatu kadar yang amat rendah. Keadaan berlebihan bukan sahaja berlaku pada bilik-bilik hotel tetapi juga berlaku dalam ruang pejabat dan rumah kediaman.

Suatu kajian yang dibuat oleh Bank Negara tahun ini menunjukkan terdapat tambahan sebanyak 124% ruang pejabat di Kuala Lumpur sahaja menjadi 8.3 juta kaki persegi bagi tahun ini berbanding dengan cuma 3.7 juta kaki persegi pada tahun lalu. Kebanyakan pencakar langit ini masih lagi menunggu penyewa sejak setahun dua. Kadar sewa turun sebanyak 40% daripada \$4.00 sekaki dalam tahun 1980/1981 menjadi \$2.50 atau \$2.40 sekaki pada masa ini.

Pasaran rumah-rumah kediaman juga, terutama rumah kos tinggi dan sederhana menghadapi keadaan yang tenat. Banyak rumah-rumah yang siap dibina tidak dijual. Adalah dilaporkan bahawa sehingga pertengahan tahun ini sejumlah 13,000 unit rumah yang dibina oleh SEDC tidak dapat dijual menyebabkan pembekuan modal sebanyak \$79.4 juta. Ini tidak termasuk rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Dengan kadar faedah bank yang tinggi pada masa ini, kos menyimpan (holding cost) bagi bangunan yang tidak dijual ini sudah pasti akan meningkat begitu cepat yang mungkin menimbulkan masalah besar kepada perusahaan pembinaan.

Selanjutnya keadaan ini pula memberi tekanan mudah tunai bank-bank yang sudah sedia menghadapi masalah mudah tunai atau menghadapi mudah tunai yang ketat sehingga memaksa Bank Negara memulangkan \$440 juta kepada sistem bank dengan mengurangkan kadar reserve mandatory dari 5% ke 4% mulai 15hb April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa punca yang menyebabkan berlakunya kemerosotan permintaan di dalam sektor perumahan. Kos pinjaman yang tinggi adalah satu daripadanya. Tetapi yang paling ketara sekali ialah kekurangan disiplin di kalangan pemaju-pemaju perumahan termasuk pemaju-pemaju sektor awam sendiri sehingga menyebabkan berlaku apa yang dikatakan 'miss-match', dengan izin, antara 'supply' dan 'demand'. Dari 132,993 unit rumah yang dibina oleh sektor awam dalam tempoh 3/2 tahun Rancangan Malaysia Keempat, 28.9% adalah rumah kos sederhana dan tinggi berbanding dengan 13.4% yang ditentukan di dalam tempoh rancangan. Bagi pemaju-pemaju swasta pula, dari 66,819 unit rumah yang dibina, 21.4% adalah rumah kos rendah iaitu 44% lebih rendah daripada yang dimatlamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah Belanjawan tidak semestinya menyelesaikan semua masalah. Tetapi masalah yang dihadapi oleh industri pembinaan dan perumahan ini nampaknya terlepas daripada pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Oleh kerana investment negara dalam sektor ini yang dijangka meningkat kepada lebih \$3,000 juta iaitu 5.2% dari Gross National Product maka suatu langkah di luar Belanjawan yang berkesan perlu diambil dengan segera sebelum kita terlambat.

Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuai Lumpur Bandar telah mencadangkan penubuhan sebuah

Majlis Perumahan Negara. Memang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu selalu membuat banyak cadangan apabila berbahas mengenai Belanjawan Negara. Tetapi dalam banyak-banyak cadangan itu, cadangan yang ini saya rasa boleh dikaji kemungkinan baik dan buruknya, sekurang-kurangnya kita perlu disiplin di dalam pembinaan rumah oleh kerana masalah 'miss-match' yang saya katakan tadi ternyata berlaku akibat kurang kawalan atau tidak ada kawalan dan apa yang menyediakan bahawa kekurangan disiplin itu berlaku di dalam sektor awam sendiri iaitu dilakukan oleh pihak SEDC sendiri.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sumbangan yang dicadangkan di bawah Belanjawan ini bagi Agensi Luar Belanjawan iaitu OBA, suatu projek, suatu subjek yang selalu menjadi sasaran pihak Pembangkang. Saya mengalu-alukan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Kerajaan telah memutuskan untuk memotong sebanyak \$2 billion daripada OBA ini. Walau bagaimanapun, sementara kita mengalu-alukan pemotongan ini, kita berharap ia tidaklah pula bermakna potongan kepada program-program bekalan elektrik, telekom, pembaikan highway dan lain-lain perkhidmatan penting yang dijalankan oleh OBA ini. Saya bagaimanapun bersetuju bahawa seiring dengan keadaan meleset yang dialami sekarang OBA juga terpaksa 'slow down', dengan izin.

Saya tertarik hati bila membaca Laporan Ekonomi 1985/1986 yang menyebut antara lain bahawa hanya PETRONAS, LLN, Telekom dan MAS sahaja dari 40 OBA yang dikaji siasat oleh Khazanah tahun lalu dapat menunjukkan lebihan dalam akaun semasa. Bagaimanapun laporan itu menambah, kecuali PETRONAS, tiga agensi lain itu mengalami defisit yang

amat besar apabila diambil kira Belanjawan Pembangunan. Ini membuktikan kecenderungan agensi-agensi yang berkenaan untuk meletakkan sandaran yang amat kuat kepada sumber-sumber kewangan luar bagi membiayai pembangunan masing-masing. Saya berharap pihak Kerajaan akan terus mengawasi kecenderungan ini. Kita mestilah menentukan garis sempadan, ada batasnya untuk kita berkembang. Oleh itu saya menyambut baik jaminan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengawasi perbelanjaan dan 'viability' projek-projek OBA. Kita semua akui bahawa OBA merupakan ciri terpenting di dalam kehidupan ekonomi negara. Kecaman-kecaman melalui terhadap OBA bukan sahaja tidak wajar tetapi juga tidak adil. Projek-projek HICOM misalnya perlu mendapat sokongan yang berterusan kiranya negara mahu bergerak selari dengan kegiatan ekonomi moden.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika menjawab soalan Ahi Yang Berhormat dari Kepong di Dewan ini beberapa hari lalu bertanya balik: adakah kita mahu terus menanam pokok? Saya menjawab dalam hati saya tentulah tidak. Kita mahu keluar dari sistem ekonomi tradisional dan kita mesti membayar untuk mencapai tujuan itu.

Orang-orang yang mengkritik projek-projek HICOM samalah seperti seorang kanak-kanak yang tidak mahu ayahnya melabur kerana mereka mahu wang itu dibelanjakan untuk membeli pakaian baru. Anak-anak itu mestilah diberitahu bahawa seorang ayah yang bijak mestilah pandai mengeneipkan sebahagian daripada pendapatannya untuk melabur. Kalau tidak, pendapatan keluarganya bukan sahaja tidak berkembang tetapi sebaliknya akan kuncup dengan bertambahnya

tanggungan si ayah dari tahun ke tahun. Terpulanglah kepada pihak Pembangkang untuk mengerti iktibar ini kalau mereka mahu mengerti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.06ptg.

Puan Hajjah Wan Zainab binti Abu Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap tahun lazimnya Kerajaan akan membentangkan Belanjawan Negara. Rakyat di semua peringkat akan menduga bagaimanakah keadaan Belanjawan yang akan datang khususnya bagaimanakah Belanjawan tersebut akan memberi kesan pada kehidupan sehari-harian untuk satu tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah, pada pendapat saya rakyat telah menerima Belanjawan tahun hadapan dengan perasaan senang hati. Saya juga seperti rakan-rakan saya turut menyokong Anggaran Belanjawan Tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, terima kasih di atas penyediaan Belanjawan yang sungguh sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam memberi sokongan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara untuk tinjauan kita bersama demi untuk kebaikan dan keselisaan rakyat sejagat terutama sekali yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama adalah tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Saya mengalu-alukan pandangan Kerajaan yang mana akan memberi peruntukan sebanyak \$2,861 juta bagi projek-projek pembasmian kemiskinan dan \$500 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah maklum bahawa kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur-infrastruktur di kawasan luar bandar seperti bekalan elektrik, bekalan air, jalan-jalan kampung, jambatan-jambatan kecil dan lain-lain masih belum mencukupi. Jadi, tidak hairanlah apabila timbul penyakit cirit-birit, cacing, taun dan sebagainya, orang kampunglah yang jadi mangsa pertama. Dengan adanya peruntukan sebanyak \$430 juta untuk jalan raya dan jambatan, \$225 juta bagi bekalan elektrik dan \$171 juta untuk bekalan air sekurang-kurangnya dapat menambahkan lagi keperluan asas rakyat.

Saya berharap peruntukan tersebut akan dibahagi-bahagikan dengan adil supaya semua kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen akan menikmati peruntukan tersebut. Kalau boleh di kawasan pilihanraya Parlimen saya, Sungai Petani biarlah lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh pula berkenaan dengan sektor pertanian. Walaupun kita telah mengorak langkah memasuki bidang perindustrian dengan pembuatan kereta nasional Proton Saga; sebilangan besar rakyat Malaysia masih bergantung kehidupan sehari-hariannya pada sektor pertanian, perikanan dan perladangan. Dengan pembangunan tanah baru, tanah terbiar, projek pertanian bersepadu, pembangunan "wilayah dan bantuan baja padi, saya yakin sektor pertanian akan lebih menggalakkan dan selaras dengan dasar pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan baja padi saya berharap bantuan sedemikian akan dikekalkan memandangkan baja dan subsidi masih lagi perlu bagi menampung hidup petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan di dalam keadaan

ekonomi sekarang adalah berpatutan. Kita berharap agar peruntukan ini dapat digunakan secara bijak, tersusun dan tepat pada matlamat yang dituju. Kita juga berharap peruntukan tersebut jangan disalahgunakan atau diseleweng. Kita mencadangkan supaya Pegawai Pertanian dan pegawai-pegawai MARDI, MADA, KEDA dan LPP dapat memberi kerjasama, memberi paha-duan, khidmat nasihat dan lawatan kepada petani-petani kita supaya lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh adalah berkenaan pelajaran. Saya mengalu-alukan pembinaan sebuah kampus cawangan baru Universiti Sains Malaysia di Ipoh yang dijangka dapat menampung 1,500 orang pelajar dan di samping itu menambah kemudahan-kemudahan di kampus sementara di Universiti Utara Malaysia. Dengan pembinaan dan penambahan kemudahan-kemudahan tersebut di atas adalah dijangka ramai lagi pelajar-pelajar kita dapat mengikuti pelajaran tinggi di dalam negeri. Jadi, dengan ini kita dapat kurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri. Ini akan mengurangkan dan menyelamatkan pertukaran wang asing.

Saya berharap dengan pembukaan cawangan baru Universiti Sains Malaysia pihak Kementerian Pelajaran dapat menyediakan tenaga pengajar yang layak dan mempunyai semangat yang tinggi untuk menjayakan unversiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat maklumat bahawa ramai graduan-graduan kita yang balik dari luar negeri dan graduan-graduan dalam negeri masih belum dapat pekerjaan. Saya mohon jasa baik dari Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat memberi sedikit penjelasan mengenai banyak manakah graduan-graduan yang saya

sebutkan tadi telah mendaftar dengan Kementerian.

Sayogia dengan itu saya juga berharap agar mereka ini dipanggil untuk ditemuduga. Dengan cara ini mereka dapat memberi khidmat kepada negara. Untuk menyenangkan lagi, saya harap pihak Kementerian akan membuat pengiklanan di akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memberi sedikit huraian dan pendapat berkenaan dengan pelajaran tinggi. Sekarang saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pelajaran rendah. Saya tidak menafikan bahawa Bahasa Malaysia perlu diutamakan kerana ia merupakan bahasa rasmi. Tetapi di sebalik itu bahasa Inggeris juga perlu dipelajari. Kerana kita masih menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri. Ini bermakna mereka akan mengikuti pelajaran di luar negeri dengan menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, kalau mereka tidak dapat memahami atau menguasai bahasa Inggeris maka sudah tentu mereka ini akan menghadapi masalah. Oleh kerana kebanyakan buku rujukan di luar negeri ditulis di dalam bahasa Inggeris. Saya berpendapat bahawa bahasa Inggeris adalah penting dan saya syorkan matapelajaran bahasa Inggeris juga diberi perhatian yang lebih serius lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan rumah kos rendah dan saya rasa amat gembira pihak Kerajaan telah mengambil berat dan akan membina rumah kos rendah dengan memperuntukkan sebanyak \$300 juta bagi membina 41,000 unit yang melibatkan 190 buah projek di dalam pelbagai peringkat pembinaan. Ini akan membolehkan rakyat kita yang berpendapatan rendah mampu membeli rumah. Dan amat gembira lagi apabila pembinaan 60,000 unit

rumah kos rendah akan dapat disediakan pada penghujung tahun 1986 nanti.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada Skim pinjaman perumahan Kerajaan sebanyak \$600 juta itu akan memberi peluang kepada kakitangan Kerajaan memiliki rumah sendiri walaupun umur mereka kurang daripada 30 tahun. Dan juga lanjutan masa kepada kakitangan Kerajaan bagi membayar balik pinjaman daripada 25 tahun ke 30 tahun. Dengan ini akan dapat mengurangkan beban membayar balik kepada kakitangan Kerajaan di saat kemelesetan ekonomi sekarang ini sehingga ekonomi negara pulih semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya belanjawan 1986 adalah adil dan saksama dan tidak membebankan mana-mana pihak. Saya rasa pihak pembangkang juga akan berpuas hati. Dan dengan ini, saya dengan sukacitanya menyokong belanjawan 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

5.15 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan ini di dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang keempat. Belanjawan tahun 1986 merupakan belanjawan pilihanraya yang cenderung untuk mengambil hati orang ramai sebagaimana yang mampu dibuat oleh pihak Kerajaan tidak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Ulu Terengganu yang mungkin tidak ada di sini.

Pada 19hb Oktober tahun lepas, semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat ucapan Belanjawan yang ulung, beliau kelihatan sedikit gelisah. Akan tetapi pada 25hb Oktober tahun ini ketika membentangkan Belanjawan 1986

beliau adalah lebih tegap berdiri. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada beliau.

Sebagai bekas "Raja Perbadanan" (Corporate King), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, beliau menonjolkan sifat-sifat semula jadi yakni bukan sahaja lebih tegap berdiri bahkan juga lebih murah hati terhadap orang-orang yang kaya. Beliau telah memberi lebih perhatian kepada orang-orang yang berada dengan pelbagai insentif dan galakan. Sebaliknya perhatian yang ditumpukan kepada orang-orang miskin adalah tidak sama dengan kemurahan hati tersebut. Sebentar lagi saya akan menyenaraikan tabiat beliau untuk menumpukan perhatian kepada yang berada.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ekonomi yang begitu buruk, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dapat mewujudkan sesuatu keajaipan untuk memulihkannya. Memang, rakyat jelata terpaksa memainkan peranan yang penting termasuk berjimat cermat dan meningkatkan daya pengeluaran.

Walaupun bagaimanapun, sebagai penggerak utama ekonomi, Kerajaan menggubalkan Belanjawan untuk memungut hasil bagi menampung perbelanjaan. Malahan Kerajaan menggunakan Belanjawan untuk melaksanakan objektif-objektif sosio ekonomi dan falsafah politik UMNO Nasional, dengan prioriti-prioriti untuk mengagihkan sumber-sumber yang terhad. Prioriti-prioriti inilah yang dipertikaikan terutamanya falsafah politik UMNO Nasional adalah diselubungi dengan politik duit yang semakin hari semakin berleluasa, wabak ini telah menjejaskan imej dan masa hadapan negara ini.

Belanjawan tahun 1986 telah dianggap oleh sebahagian orang sebagai lebih sederhana dan oleh setengah-setengah akhbar tempatan sebagai wajar dan positif ke arah

pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, serta menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Ini merupakan satu taktik pilihanraya yang direkakan oleh Kerajaan.

Saya hendak memberi peringatan kepada orang ramai, bahawa Belanjawan tahun 1982 adalah Belanjawan pilihanraya dan 6 bulan selepas pilihanraya 1982, Kerajaan merumuskan Belanjawan tahun 1983 yang membebankan rakyat di dalam keadaan imbalan pembayaran dan defisit perdagangan yang sangat buruk.

Sepertimana yang terdapat pada tahun-tahun 1982 dan 1983, tahun 1986 akan menyaksikan keadaan ekonomi yang lebih buruk dan sejurus selepas pilihanraya akan datang Kerajaan akan mengadakan Belanjawan berpecutan yang akan membawa kesusahan kepada rakyat. Bukti-buktinya ialah seperti berikut:

Dalam Belanjawan tahun 1986 jumlah anggarannya ialah \$30,812 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$21,954 juta ataupun kira-kira 71% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan bakinya sebanyak \$8,858 juta atau kira-kira 29% adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan. Sementara itu untuk menampung perbelanjaan yang dianggarkan itu hasrat Kerajaan Persekutuan dijangka akan meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 1.6% pada tahun 1986 kepada \$22,121 juta berbanding dengan 4.6% dalam tahun 1985. Adalah besar kemungkinan bahawa anggaran hasil ini tidak akan dicapai disebabkan oleh keadaan ekonomi yang terlalu buruk. Perlu diingatkan bahawa di dalam Belanjawan tahun lepas anggaran hasil Kerajaan ialah \$21,917 juta, ini telah disemak kepada \$21,767 juta dan pencapaian yang sebenarnya belum diketahui.

Soalnya dari manakah Kerajaan akan mendapatkan wang untuk

Perbelanjaan Pembangunan, memandangkan hasil yang dikutip hanya dapat menampung Perbelanjaan Mengurus. Selagi harga barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu balak dan bijih timah merosot Kerajaan hanya mempunyai dua pilihan iaitu menambahkan pengeluaran petroleum dan gas serta meningkatkan pinjaman. Walaupun pertumbuhan ekonomi tahun 1985 dianggarkan mencapai 6.7% setahun, sekarang ia dijangka mencatat hanya 5.2%. Kemerosotan permintaan luar negeri bersih dengan kelembapan harga eksport dijangka akan menyebabkan defisit dalam Akaun Semasa imbalan pembayaran menjadi lebih besar kepada \$5,315 juta atau 6.6% dari KNK dalam tahun 1985 daripada defisit sebanyak \$3,743 juta, 5% dari KNK pada tahun 1984. Akaun dagangan yang telah mencatatkan lebihan yang besar sebanyak \$6,913 juta pada tahun 1984 dijangka akan mencatat lebihan kecil sedikit dalam tahun 1985 berjumlah \$5,788 juta.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia pada tahun 1986 adalah muram, kerana permintaan luar negeri bagi barangan Malaysia dijangka tidak akan bertambah dengan pesat pada tahun 1986. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk ekonomi negara-negara perindustrian dijangka berkembang dengan perlahan, dasar perlindungan pengeluar-pengeluar barangan utama dan perkilangan dengan kos rendah yang menjejaskan pasaran eksport Malaysia, prestasi kebanyakan sektor ekonomi dijangka tidak menggalakkan. Walau bagaimanapun Kerajaan akan meningkatkan pengeluaran sektor petroleum kepada 510,000 tong sehari bertentangan dengan dasar pemeliharaan petroleum dan gas. Oleh itu pertumbuhan KDNK sebenar dianggarkan berkembang sebanyak 6% kepada \$464,345 juta pada tahun 1986. Ini adalah terlalu optimis.

Adalah besar kemungkinan bahawa Kerajaan boleh menyekat lagi pengeluaran petroleum untuk mencapai matlamat. Soalnya berapa lamakah dasar susutan akan dilaksanakan, dan saya dengar Syeikh Yamani, Menteri Minyak Saudi Arabia telah membuat rungutan bahawa Saudi Arabia akan menurunkan harga minyak kepada US\$20 setong. Mungkin beliau tidak akan menurunkan kepada begitu rendah, akan tetapi ini menunjukkan harga minyak tidak stabil dan dengan keadaan sedemikian susahlah Malaysia menambahkan hasil dengan mengeluarkan petroleum dengan banyak kalau berbanding dengan tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami telah berulang kali memberi peringatan kepada Kerajaan mengenai dasar hutang negara dan pihak Kumpulanwang Antarabangsa telah mendesak supaya Malaysia menjadi lebih berdisiplin nisbah khidmat bayaran hutang luaran masih tidak memuaskan, nisbah ialah 2.7% dalam tahun 1981, 4.4% dalam tahun 1982, 4.6% bagi tahun 1983, 6.5% bagi tahun 1984 dan 9.6% bagi tahun 1985.

Di dalam dilema sekarang, Kerajaan mungkin akan meminjam lebih banyak wang daripada Kumpulanwang Simpanan Pekerja, yang menjadi punca kewangan yang mudah dieksploitasikan oleh Kerajaan, tanpa mengira kepentingan pekerja-pekerja. Ini merupakan salah satu aspek lagi Belanjawan pengembangan ala pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, strategi Belanjawan untuk tahun 1986 adalah bertujuan untuk memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan Belanjawan Negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam dan

mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Langkah-langkah yang diambil adalah tidak mencukupi untuk mencapai tujuan ini kerana kecekapan dan keberkesanan yang kurang memuaskan. Untuk menghadapi krisis sekitaran dan struktur yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia, lebih keazaman adalah diperlukan sepertimana yang telah saya bangkitkan pada tahun lepas.

Selain daripada kedua-dua tujuan yang tersebut, usaha-usaha hendaklah diambil:

- (a) untuk membenteras rasuah dan birokrasi;
- (b) untuk keadilan ekonomi dengan pengagihan pendapatan yang lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, krisis struktur ekonomi Malaysia tidak akan diatasi sekiranya bilangan kakitangan awam yang terlalu banyak (bloated bureaucracy) dan prestasi Agensi-agensi di Luar Belanjawan tidak dapat dikawal dengan berkesan.

Mengikut angka-angka yang diberikan di dalam Laporan Ekonomi 1985/1986 terdapat seramai 3 orang kakitangan awam bagi setiap 20 orang tenaga dalam negara. Dengan lain perkataan 15% daripada jumlah guna tenaga dalam negara adalah kakitangan sektor awam.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, bilangan orang kakitangan awam adalah satu orang bagi setiap 17 rakyat Malaysia dan saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri yang sanggup membangkitkan hal ini akan tetapi saya hendak menekankan di sini perkara ini telah pun dibangkitkan berkali-kali di dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Saya masih ingat pada tahun 1976 saya pernah membaca hal ini. Pada masa itu satu daripada 8 pekerja di

Malaysia adalah pekerja kakitangan awam—satu daripada 8 pekerja. Sekarang keadaan ini bertambah buruk dan mengapakah di dalam 10 tahun ini Kerajaan tidak mengambil tindakan. Itulah yang saya merasa hairan. Tetapi walau bagaimanapun.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta maaf, saya rasa kabur sedikit, satu daripada 8 menjadi satu daripada 17. Adakah Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan keadaan bertambah buruk atau bertambah baik. Cuma untuk penjelasan diri saya sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Menteri Kewangan membandingkan dengan bilangan penduduk, saya membandingkan dengan bilangan pekerja. Ada perbezaan yang besar. Jadi untuk tinjauan yang sama juga kerana kita sanggup untuk mengurangkan bilangannya. Yang pertama bilangan pekerja, yang satu lagi bilangan penduduk, ada perbezaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 35% daripada Perbelanjaan Mengurus adalah untuk gaji di sektor awam iaitu sejumlah \$7,696 juta. Kebanyakan daripada kakitangan awam ini terdiri daripada satu kaum sahaja iaitu mengikut angka yang diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada minggu yang lepas, kaum Melayu lebih daripada 70%, kaum Cina kira-kira 14% dan kaum India kira-kira 10%. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa terlalu banyak kakitangan Kerajaan jika berbanding dengan kependudukan Malaysia serta polarisasi kaum yang amat serius. Ia juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan krisis struktur ekonomi negara ini.

Di dalam Belanjawan tahun 1986, pihak Kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan kakitangan

awam melalui dasar penswastan dan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan kecekapan mengurus.

Adalah perlu bagi Kerajaan untuk menerangkan dengan teliti bagaimana matlamat ini dapat dicapai. Sekiranya usaha ini dapat mengurangkan bilangan kakitangan tersebut, ia adalah satu langkah ke arah yang betul.

Sepertimana yang dibangkitkan oleh pelbagai orang di dalam tahun-tahun kebelakangan ini setengah-setengah kakitangan awam adalah malas dan asyik menghabiskan masa di dalam kantin-kantin. Perkhidmatan awam kita juga mempunyai banyak 'generalists' di samping bilangan pakar (specialists) yang disalah-letakkan dalam jawatan mereka. Rancangan-rancangan latihan yang dikendalikan oleh berbagai jabatan Kerajaan tidak meningkatkan kecekapan tetapi telah menghasilkan pancang-pancang segi empat untuk diisi ke dalam lubang-lubang bulat (square peg in a round hole), dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu lebih eloklah.

Dr Tan Seng Giaw: Para kakitangan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam satu usaha untuk mengejar peperiksaan (paper chase) supaya berpeluang untuk mendapat kenaikan pangkat, akibatnya perkhidmatan awam Kerajaan pada masa ini adalah dikatakan lebih berat di atas—top heavy, dengan izin.

Di samping ini kekurangan disiplin di setengah-setengah pegawai Kerajaan telah juga menghasilkan peristiwa-peristiwa makan suap seperti kes mahkamah terhadap bekas seorang Ketua Pengarah Jabatan Percetakan Negara yang telah didakwa menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian langkah-langkah yang lebih

positif seharusnya diambil untuk mengurangkan bilangan kakitangan Kerajaan, menyusun semula komposisi dan mempergiatkan usaha kempen Bersih, Cekap dan Amanah.

Pada tahun"yang lepas, saya telah memberi amaran kepada Kerajaan supaya sentiasa berwaspada terhadap reagonomic ataupun 'economy supply sight' di Amerika Syarikat, ketika itu terdapat tanda pemulihan ekonomi di Amerika Syarikat dengan faedah yang tinggi dan dapat mempengaruhi seluruh dunia terutamanya dunia ketiga termasuk Malaysia.

Malaysia telah meniru ekonomi penawaran ini tanpa kesan yang ketara. Negara ini telah memotong cukai perseorangan pada tahun yang lalu, sungguhpun saya telah memberi amaran bahawa kecenderungan orang-orang Malaysia untuk berbelanja adalah lebih kuat daripada kecenderungan orang untuk menabung dan kecenderungan menabung adalah juga lebih besar daripada kecenderungan untuk melabur.

Pada tahun 1983 tabungan sektor swasta adalah \$1,418 juta kurang daripada pelaburan pada tahun 1985, tabungan sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 2.6% kepada \$14,874 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak 3.68% dalam tahun 1984. Jumlah pelaburan dijangka meningkat sebanyak 10.8% pada \$14,783 juta lebihan antara tabungan dari pelaburan sektor swasta dianggarkan akan bertambah kecil daripada lebihan sebanyak \$1,182 juta pada tahun 1984 kepada \$91 juta dalam tahun 1985. Walaupun tabungan sektor swasta telah bertambah ianya tetap tidak dapat membiayai jumlah pelaburan yang akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya menghadapi masalah di mana pekerja-pekerja awam tidak menabungkan jumlah wang yang

mencukupi untuk membiayai pelaburan. Kerajaan sepatutnya menjalankan satu kajian terhadap perkara ini, Mengikuti teori Franco Modigliani yang baru sahaja mendapat Nobel Prize, dengan izin, Franco ModigHani.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun tak tahu sebut.

Dr Tan Seng Giaw: Beliau mengatakan bahawa, dengan izin:

"It holds that people tends to save when they are young to create a nest egg for their old age. (Ini untuk kakitangan awam). People will tuck away less when they are guaranteed retirement incomes."

Beliau mempertahankan sistem percukaian yang lebih fleksibel serta rancangan-rancangan perbelanjaan untuk mengemudikan ekonomi negara. Oleh hal yangdemikian, kajian yang disebutkan tadi adalah penting kerana ianya mempunyai kesan yang besar ke atas ekonomi negara kita. Sekiranya setiap kakitangan awam menabung serba sedikit wang maka pelaburan akan bertambah dengan lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan seharusnya meninjau masalah perbezaan yang besar di antara tingkat-tingkat upah. Disebabkan oleh inflasi sebarang peningkatan upah tidak akan mempunyai kesan ke atas golongan pekerja yang berpendapatan rendah termasuk kakitangan Kerajaan. Kajian sepatutnya dijalankan untuk memastikan kemungkinan peningkatan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah. Gaji tambahan, sekiranya diberikan kepada gotongan yang berpendapatan rendah, akan mendorong kumpulan ini supaya meningkatkan perbelanjaan mereka. Mereka juga lebih bercenderung membeli hasil-hasil keluaran tempatan jika dibandingkan

dengan kumpulan yang berpendapatan tinggi yang lebih suka membeli barang-barang yang diimport terutamanya barang-barang mewah. Sekiranya Kerajaan adalah serius mengenai Dasar Membeli Barang-barang Buatan Malaysia, maka ianya harus mempertimbangkan kesan, dengan izin, multiplied effects ke atas ekonomi tempatan. Pendek kata, usaha-usaha yang ikhlas harus dikerjakan untuk menambahkan pasaran tempatan dengan berpandukan strategi yang tersebut di atas. Kita tidak patut terlalu bergantung kepada pasaran eksport sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga boleh mempertimbangkan percukaian perbelanjaan, dengan izin, expenditure tax, untuk mengawal perbelanjaan kerana ia memang sudah menjadi tabiat rakyat Malaysia yang suka berbelanja terutamanya ke atas barang-barang yang mewah. Perhatian yang khas harus ditumpukan kepada golongan pengguna yang boros. Langkah mengenakan percukaian perbelanjaan bukan sahaja selaras dengan Kempen Membeli Barangan Malaysia, tetapi juga merupakan satu sistem percukaian yang progresif dan seterusnya yang lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, amnesti yang diberi kepada pendapatan yang diterima dari luar negeri oleh rakyat Malaysia yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan satu lagi galakan yang diberi kepada golongan yang berpendapatan tinggi. Kita tidak mengetahui jumlah wang yang sebenarnya terlibat, tetapi ianya adalah kewajipan kita untuk menyasiat sebab-sebab mengapa wang tersebut telah disalurkan ke dalam negara-negara asing. Adanya kemungkinan bahawa rakan-rakan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang didapati menyalurkan wang mereka ke luar negeri akan membawanya balik ke

dalam negara. Ianya adalah lebih realistik untuk mengkaji sebab mengapa jumlah wang itu telah disalurkan ke luar negeri. Di samping itu cara penggunaan wang yang jika dibawa balik ke negara ini, cara harus dikemukakan untuk melabur wang itu. Sebenarnya pelabur-pelabur melabur bukan kerana kesetiaan kepada negara tetapi adalah untuk mendapat keuntungan,

Amnesti tersebut sebenarnya merupakan suatu cara untuk mengesahkan wang hangat, dengan izin, hot money, yang diperolehi dengan cara-cara yang haram. Walau pun langkah ini mungkin akan menggalakkan mereka yang ingin membawa balik wang mereka ke dalam negara ini, namun kelemahan di sini ialah mereka tidak payah menerangkan bagaimana mereka telah mendapat wang itu. Ini bermakna wang hangat tersebut dapat diambil keluar dari negara dan seterusnya diambil balik ke negara ini untuk disahkan sebagai wang yang sah di sisi undang-undang. Inilah satu kelemahan dan tambahan pula saya pun tidak tahulah mengapa amnesti ini diberi untuk satu tahun sahaja, mungkin kerana Kerajaan takut akan berlakunya penyelewengan seperti yang saya sebutkan tadi.

Pengecualian cukai sebanyak 50% daripada pendapatan komisyen juga tidak sepatutnya bermakna bahawa mereka telah mendapat komisyen yang banyak di luar negeri akan membawanya balik. Seorang yang mendapat jumlah komisyen sebanyak \$500,000 mungkin tidak akan berbuat begitu kerana ia tahu bahawa ia hanya akan mendapat pengecualian sebanyak 50% sahaja apabila ia melaburkan sejumlah besar komisyennya kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang bergantung kepada perniagaan pasaran dunia.

Eksport barangan utama negara kita seperti getah dan kelapa sawit menghadapi persaingan yang hebat daripada jiran ASEAN kita seperti Indonesia dan Thailand. Adalah tepat pada masanya bagi sektor pembuatan negara kita dipertingkatkan dan usaha-usaha Kerajaan ke arah ini jika dijalankan dengan betul adalah satu langkah yang dapat didorong oleh rakyat.

Walau bagaimanapun, sumbangan sektor pembuatan terhadap Keluaran Negara Kasar telah makin merosot berbanding dengan sasarannya. Walaupun begitu, sektor pembuatan tetap menjadi enjin pertumbuhan Rancangan Malaysia Kedua dan telah disasarkan untuk mencapai 28.9% daripada Keluaran Negara Kasar menjelang tahun 1985, tetapi ianya tetap gagal. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, sektor ini telah juga gagal untuk mencapai sasaran pertumbuhan sebanyak 11% setahun. Sebaliknya, tingkat pertumbuhan yang dicapai hanyalah setakat 4.9% setahun sahaja dalam tempoh masa 3 tahun yang pertama Rancangan tersebut. Oleh yang demikian sasarannya disemak semula di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dalam tahun 1980, tingkat pertumbuhan yang dicapai adalah 18.6% dan ini dijangka akan menurun lagi sehingga ke 18.3% pada tahun ini. Eksport barang-barang perkilangan telah meningkat kepada 18.9% dalam jangka masa 1981 hingga 1984.

Kegagalan untuk mencapai sasarannya bermakna bahawa peluang pekerjaan, pemindahan teknologi dan peningkatan dalam kemahiran teknik tidak dapat diwujudkan seperti yang dirancang. Selain daripada ini keadaan hutang luar negeri pun telah meningkat. Kerajaan harus mempertimbangkan suasana industri negara kita terutamanya semasa kemelesetan ekonomi dunia dan

aktiviti pelaburan sektor swasta yang kurang memuaskan.

Pergantungan yang keterlaluan kepada industri pemasangan telah membawa kepada pemberhentian kerja secara beramai-ramai. Perkara ini haruslah diambil kira di dalam penggubalan pelan induk industri. Jelaslah negara kita tidak boleh terlalu bergantung kepada komoditi-komoditi utama sahaja. Kita seharusnya mengeksplorasikan bahan-bahan mentah tempatan sebagai satu cara untuk menerbitkan permintaan tempatan bagi bahan-bahan mentah tersebut.

Kita harus menyoal mengapa negara Malaysia sebagai pengeluar utama getah asli di dunia masih perlu untuk mengimport getah pamadam daripada Eropah dan mengapa negara ini hanya dapat mengeksport hasil getah utama seperti, dengan izin, kondom dan sarung tangan getah sahaja. Sumbangan sektor pembuatan di dalam hasil getah kepada sektor pembuatan dari segi pekerjaan eksport, import dan aset tetap mencatatkan satu, dengan izin, value added yang adalah kurang daripada 5% manakala jumlah pinjaman kewangan swasta kepada sektor pemerosesan getah hanya bernilai \$408 juta ataupun 5% sahaja daripada jumlah pinjaman institusi kewangan swasta kepada sektor pembuatan. Penggunaan getah asli dalam negeri hanya meningkat sebanyak 0.3% bagi tahun-tahun 1980-1983. Sebenarnya Malaysia merupakan pengimport bersih tayar dan hasil perdagangannya dan juga industri hasil getah.

Sebenarnya sumbangan Malaysia sebagai pengeksport terbesar getah asli kepada jumlah eksport keluaran hasil getah dunia adalah kurang daripada 0.1%. Sumbangannya kepada hasil susu getah, dengan izin, latex based products ialah hanya 5.2%. Tayar

sebenarnya merupakan 67.4% daripada semua hasil keluaran getah. Tetapi sumbangan Malaysia kepada eksport tayar sungguh tidak penting. Kita seharusnya cuba sedaya upaya untuk menambahkan nilai eksport kita dan menintegrasikan hasil-hasil keluaran pertanian dan bahan mentah negara kita.

Sekarang di Malaysia terdapat 3,000 jenis hasil keluaran getah. Ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi skop untuk pemerosesan bawahan. Ini seharusnya menjadi tulang belakang dasar perindustrian Malaysia. Malaysia patut bertindak dengan sewajarnya dalam sebuah pasaran antarabangsa yang dinamis. Misalnya Indonesia dapat mengeksportkan hasil keluaran getah terutama sekali tayar dengan harga-harga competitive kerana insentif eksport sebanyak 12%. Selain daripada itu untuk menimbulkan pendapatan eksport bagi membiayai pembangunan Malaysia, idea-idea baru harus diperolehi untuk mengembangkan eksport barangan tradisional dan bukan tradisional dalam industri-industri yang sedia kala dan pasaran baru. Insentif yang lebih patut diberikan kepada sektor swasta untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan. Kegunaan baru bagi getah asli dan kelapa sawit juga didapati melalui usaha-usaha ini. Kita harus memperhatikan bahawa wang yang digunakan untuk penyelidikan barangan sintatik dalam negara-negara perindustrian melampau perbelanjaan yang digunakan dalam penyelidikan ke atas komoditi-komoditi negara membangun. Negara kita boleh juga mengembangkan industri yang berdasarkan pertanian. Sekarang Malaysia mengimport sebanyak \$4.2 billion hasil makanan setiap tahun. Sekiranya tidak terdapat percubaan yang serius untuk menghapuskan mentaliti import ini, maka negara kita

akan tersangkut di dalam perangkap import. Sebaliknya pasaran Malaysia dengan negara jiran kita Singapura yang mengimport makanannya juga kira-kira \$4 billion tahun ini yang mempunyai keupayaan untuk meningkat kepada sekurang-kurangnya \$9 atau \$10 billion bersamasama dengan permintaan yang stabil yang bertambah, kos modal yang sederhana dan aliran wang, boleh menjadikan industri ini satu industri yang sangat menguntungkan.

Di dalam Belanjawan ini nampaknya pada zahirnya sahaja industri makanan telah disentuhkan. Sumbangan sektor swasta kepada sektor pembuatan sungguh mengecewakan. Dalam tempoh tahun-tahun 1981-1984, pelaburan sektor swasta tanpa mengira Agensi-agensi Luar Belanjawan meningkat kepada kadar purata 3.1% setahun dari segi nilai benar. Jelaslah ianya tidak dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru di mana pada keseluruhannya ia dijangka menyumbangkan 72.1% daripada jumlah pelaburan.

Ahli-ahli industri mengatakan bahawa keadaan peraturan tidak menggalakkan pelaburan. Pengusaha-pengusaha harus diberi skop yang luas dalam keupayaan mereka untuk menghadapi risiko dan juga ganjaran perniagaan. Ini boleh dicapai sekiranya terdapat, dengan izin, deregulation dan kebebasan untuk keluar masuk dalam sesebuah industri pilihan mereka. Dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian, setiap perkembangan atau pertukaran mesti terlebih dahulu mendapat kelulusan. Peraturan ini tidak menjalankan pertumbuhan yang cepat dalam sektor ini. Bertentangan dengan niatnya untuk mengembangkan DEB ianya boleh membantukan kawalan-kawalan begini memberi nilai sewa kepada lesen-lesen yang didapati dan

kemudiannya ia dijual. Ini akan membawa kepada ketidakcekapan. Kos-kos pengeluaran yang lebih tinggi, harga lebih tinggi dan permintaan yang lebih kurang. Kerajaan harus mengurangkan kawalan dan membenarkan kemasukan bebas serta kuasa pasaran untuk berjalan supaya hanya yang benar-benar padan akan masih wujud. Nampaknya terdapat ura-ura untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian sebagai satu identiti kepada pelabur-pelabur di dalam sektor perkilangan.

Selain daripada ini cukai-cukai yang berbeza telah menguntungkan industri-industri penggantian import dan mendendakan aktiviti-aktiviti yang berorientasikan eksport seharusnya digantikan dengan tarif yang lebih seragam. Sekiranya tarif yang lebih tinggi diperlukan untuk menggalakkan perindustrian, maka garisan berpatutan dan yang seragam hendaklah diadakan supaya ianya tidak menguntungkan sebuah industri dan pada masa yang sama merugikan industri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sektor pembuatan swasta Malaysia tidak mendapat dana yang diperlukan semasa Kerajaan Malaysia sedang mensasarkan pembuatan untuk menyumbangkan 27% kepada keluaran negara kasar menjelang tahun 1990. Ini adalah sangat membimbangkan. Walaupun arahan Bank Negara mementingkan pinjaman-pinjaman kepada sektor pembuatan tetapi pada akhir tahun 1983 hanya \$49.5 billion telah dipinjam keluar oleh sektor ini daripada \$50.5 billion yang ditawarkan kepada sektor swasta. Pada 17hb September ini Menteri Kewangan telah mengumumkan sebuah dana pelaburan baru sebanyak \$1 billion untuk digunakan bagi mempergiatkan lagi pelaburan swasta. Yang menjadi soalan ialah sama ada ianya akan

menjadi suatu perangsang bagi pertumbuhan eksport. Kalau mengikut rekod lama ianya tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Dalam sektor industri, masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil adalah banyak. Sebenarnya industri-industri begini merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara ini. Namun demikian, insentif-insentif yang diberi kepada mereka kurang sekali. Mereka menghadapi masalah dalam mencapai modal berbanding dengan syarikat-syarikat yang lebih besar. Mengikut laporan Bank Negara 1984, kebanyakan bank tidak dapat menepati garisan pinjaman 5% yang disediakan untuk pengusaha-pengusaha kecil. Hanya 6 dari 22 bank tempatan dan 16 bank asing telah mencapai garisan pinjaman ini. 16 daripada 43 syarikat kewangan tidak dapat mengikut panduan ini. Hakikatnya kekurangan bagi bank-bank perdagangan ini mencapai \$256.1 juta pada akhir tahun 1984 sementara kekurangan bagi syarikat-syarikat kewangan bernilai \$121 juta.

Pada tahun 1983 MIDA telah meluluskan 152 industri kecil dari 218 permohonan berbanding dengan 323 permohonan yang telah diluluskan untuk industri yang lebih besar dari jumlah 455 permohonan. Diskriminasi yang lain termasuk jabatan Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada industri-industri kecil selain daripada memilih kasih syarikat-syarikat dan kes-kes yang tertentu misalnya dalam membeli barangan. Tawaran pilihan dan pembelian pukal juga mengutamakan syarikat yang boleh membekalkan jumlah besar secara murah. Industri-industri kecil adalah penting, ianya menggunakan bahan mentah tempatan, menyediakan lebih banyak pekerjaan setiap unit modal dan biasanya akan menggunakan keuntungan untuk memperbesarkan lagi usaha mereka.

Sebenarnya 98% daripada 125,000 dalam sektor industri dan perdagangan adalah usaha-usaha kecil yang menggaji kurang daripada 90 orang. Syarikat-syarikat ini menyediakan 51% daripada pekerjaan dalam sektor ini, mengeluarkan 50% daripada keluaran kasar dan memiliki 31% daripada jumlah asset tetap. Kerajaan harus menubuhkan sebuah pusat penguatkuasaan untuk membangunkan industri kecil kerana masalah utama ialah kekurangan pendekatan yang setara dan lengkap untuk rnenolong industri ini.

Kini terdapat 13 Kementerian dan lebih daripada agensi yang terlibat dalam meningkatkan perindustrian kecil. Akibatnya ialah penyalinan yang lemah penyalinan dan pemborosan sumber-sumber. Dalam menyediakan pelan induk industri, Kerajaan harus mengadakan insentif fiskal dan cukai untuk menggalakkan pelaburan dalam industri pertanian, industri yang berdasarkan sumber alam, industri kecil dan industri penyokong. Strategi yang disediakan tidak sepatutnya terlalu bergantung kepada ekonomi dan teknologi asing untuk memastikan bahawa pulangan balik perdagangan akan mempertahankan keperluan sosio ekonomi rakyat dan pertumbuhan industri yang bermodal insentif diperlahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara Proton Saga di sini, walaupun Yang Berhormat dari Ulu Terengganu telah mengatakan lebih baik kami mengambil perhatian, iktibar dia dengan ibarat ayah dan anak, saya hendak menekankan di sini sekiranya Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Terengganu benar-benar ikhlas perhatilah apa yang akan saya ucap di sini mengenai Proton Saga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengkritik negara-negara

perindustrian yang mengikut dasar pelindung demi mempertahankan ekonomi negara mereka masing-masing. Beliau mengatakan tengah begini mungkin adalah baik untuk jangka pendek tetapi akan merugikan pada masa jangka panjang. Sebenarnya saya ingin memaklumkan bahawa negara kita Malaysia dengan industri kereta yang baru juga telah mengamalkan jenis dasar pelindung yang tersendiri. Demi mempertahankan dan menjamin kejayaan perusahaan ini Proton dikecualikan dari membayar duti import sebanyak 40% ke atas semua komponen yang digunakan oleh Proton Saga di mana duti eksais kereta nasional itu juga adalah kurang dari setengah jika dibanding dengan pembayaran yang dibuat oleh pemegang franchise kenderaan dari jenis yang lain. Cukai ke atas kereta lain juga telah dipertingkatkan di mana 15% cukai import telah dikenakan terhadap knock-down kits sejak 1982 dan bilangan permit import untuk kereta-kereta lain telah dihadkan.

Langkah-langkah sebegini adalah untuk menjamin kejayaan kereta Proton Saga dengan membolehkan harga Proton Saga bertanding dengan berkesan dengan kereta-kereta lain. Harga bertanding ini bukan kerana hasil sebagaimana yang dapt dicapai oleh pembuat kereta yang lain tetapi kerana harganya dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan lebih daripada 7,500 kereta yang terawal sekali disiapsediakan dengan kos pengeluaran lebih daripada \$30,000 bagi model 1,300 c.c. tetapi dijual dengan harga \$18,000. Harga sebanyak lebih daripada \$17,000 dipotong. Kalau begini sepatutnya Proton Saga diberi nama baru iaitu "Potong Harga".

Sekiranya langkah-langkah pelindung diambil untuk mengelakkan persaingan yang merupakan penyaing Mitsubishi mempunyai kepentingan

besar dalam projek kereta Malaysia untuk bergabung dengan negara-negara ASEAN bagi membina kereta nasional, kereta mereka sendiri juga besar. Di Nassau, Bahamas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutuk langkah pelindung oleh untuk negara-negara perindustrian. Memang Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa jejak permulaan hendaklah diadakan untuk mengadakan industri berat di Malaysia, dan antara sebab harga Proton Saga itu rendah ialah kerana Kerajaan mengurangkan cukai terhadapnya bagi menjamin kejayaan perindustrian itu.

Apatah lagi memikirkan negara tidak boleh mempunyai perusahaan yang gagal dalam keadaan ekonomi sekarang. Dengan dasar pelindung begini maka lebih banyak kilang pemasangan kenderaan di dalam negeri akan merosot dan mungkin tutup. Kalau ini berlaku maka bolehlah juga dijangkakan secara anggapan bahawa mungkin 3 atau 4 model Proton Saga akan dipandu di jalan-jalan raya Malaysia kini berbanding dengan lebih kurang 40 model kereta yang terdapat di negara ini sekarang. Hanya sekiranya ini berlaku maka pembuat-pembuat komponen kereta dapat membuat 'bahagian-bahagian' dan komponen-komponen kereta-kereta dengan segala ekonomi.

Kini perubahan cepat jenis-jenis kereta dari semasa ke semasa dan jenis yang terlalu banyak tidak merupakan dorongan kepada pembuat komponen, ini akan berlaku sekiranya pembuat-pembuat komponen-komponen kereta berkembang menjadi sebuah industri yang penuh dan sekiranya kereta ini dapat dijual mengikut anggapan yang telah ditetapkan oleh PROTON.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan untuk kereta nasional untuk industri komponen kereta sekiranya kita

harapkan satu kejayaan, ini bergantung kepada pertumbuhan tinggi dan jualan kereta di mana semasa 1973 hingga 1983 meningkatkan kepada kadar tahunan sebanyak 8.2% salah satu tingkat yang tertinggi sekali di dunia tetapi soalan yang patut ditinjau ialah sama ada trend ini akan berterusan. Dalam tahun 1981 jumlah besar kereta yang dijual ialah 108,000 bagi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Angka-angka jualan ini dicapai sebelum kesan penuh kemelesetan dirasai di Malaysia dan juga sebelum duti import dikenakan terhadap kereta-kereta lain. Walaupun jualan kereta telah merosot dalam tahun 1982 rancangan-rancangan HICOM dikatakan diramalkan mengikut ramalan permintaan yang kian meningkat sebanyak 8% setahun, walaupun sekiranya rakyat Malaysia akan menambahkan pemilikan mereka sebanyak 80% pada dekad yang akan datang dan walaupun kajian-kajian yang dijalankan telah mengemukakan bahawa kereta Proton Saga akan menyumbang sebahagian besar daripada pasaran permintaan keseluruhannya ditinjau akan masih lebih rendah. Trend dalam kemerosotan kereta-kereta penumpang untuk awal setengah tahun ini dikatakan akan berterusan sehingga akhir tahun. Bulan Julai tahun ini telah mencatatkan hanya sebanyak 4,752 pendaftaran kereta berbanding dengan jumlah 6,513 pada tahun yang lalu, kejatuhan sebanyak 27%. Sekiranya masalah pasaran terhadap tempatan berlaku dan sekiranya kereta ini tidak dapat mencari pasaran yang mencukupi di luar negeri maka segala ekonomi tidak akan dapat dicapai dan kos pengeiuran seunit akan bertambah. Harga kereta ini tidak dapat dipertahankan kerana tidak mungkin Kerajaan terus memberi pengecualian duti import kepada PROTON untuk selama-lamanya.

Saya tidak menyangsikan bahawa negara patut mencebur diri dalam perindustrian kerana negara kita adalah sebuah negara yang bergantung kepada perniagaan. Tetapi apa yang saya tegaskan ialah penceburan ke dalam industri kecil dan sederhana besarnya. Masalah besar yang dihadapi dalam mencebur diri di dalam perindustrian berat ialah masalah pemindahan teknologi dan masalah komponen sementara dalam industri-industri yang kecil dan sederhana. Kami menggunakan teknologi kita sendiri, menggunakan tenaga kita sendiri dan lebih menggunakan bahan mentah tempatan, inilah patut kita menggalakkan.

Saya memahami keperluan untuk kita mengubah dan mereka cipta dalam perindustrian. Tetapi kita tidak sepatutnya melibatkan diri kita secara terburu-buru dalam jenis industri yang kita tidak berupaya dari segi teknologi. Dalam perindustrian berat kita sepatutnya berhati-hati. Pada masa ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengenalkan kita kepada industri besi, industry hot briquetted iron dan kompleks, ammonia urea di Bintulu. Rakyat Malaysia hanya boleh mengharap bahawa projek-projek yang mahal ini akan membawa kebaikan kepada semua.

Dalam projek Proton Saga ini syarikat Mitsubishi adalah rakan Jepun bekerjasama dengan HICOM untuk mengeluarkan Kereta Nasional. Tetapi sejauh manakah kita akan beruntung daripada persepaduan ini walaupun pihak Mitsubishi mempunyai 30% daripada bahagian PROTON. Adakah pegawai-pegawai tinggi HICOM mengurus dan bermesyuarat dengan pihak Jepun di bawah suasana saksama? Adakah pegawai-pegawai yang berkenaan ini memeriksa fasal-fasal eksport dalam perjanjian mereka untuk memastikan bahawa bukan sahaja pihak Jepun yang akan

beruntung daripada projek ini? Mitsubishi sebenarnya akan beruntung daripada keuntungan hasil daripada jualan kereta Proton Saga dan dari penawan komponen-komponen kereta, alat-alat pengeluaran, sokongan teknik dan pengurusan. Oleh itu, projek ini akan menguntungkan Mitsubishi sungguhpun ia mungkin tidak akan menguntungkan HICOM. Saya bersetuju bahawa tidak ada apa-apa yang salah dalam keinginan kita untuk mendapat sebuah Kereta Nasional. Tetapi sekiranya kita terpaksa mengadaikan negara kita dalam proses pencapaian ini maka kita seharusnya berfikir sekali lagi.

Saya ingin menekankan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meamanatkan dirinya kepada projek yang besar seperti Proton Saga. Selagi beliau berkemudi, beliau akan bertungkus lumus untuk menjayakan projek ini. Tetapi kita harus mengingatkan bahawa tiada seorang pun yang abadi dan beliau ini juga tidak abadi. Apakah yang akan terjadi apabila Yang Amat Berhormat tidak menjadi Perdana Menteri. Adakah mahu tidak mahu Perdana Menteri yang baru akan meneruskan projek tersebut?

Memang tidak salah sekiranya mempunyai cita-cita yang tinggi dengan idealisma yang baik, itu satu sifat manusia yang baik dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sanggup mengadakan ciri yang tinggi ini. Akan tetapi dengan terlibatnya rakyat di dalam projek Proton Saga ini saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menubuhkan satu jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan ahli-ahli jawatankuasa ini hendaklah terdiri dari pakar-pakar bank, dari HICOM, dari MIDA dan pakar-pakar industri yang lain, dan

jawatankuasa ini hendaklah meninjau keadaan industri-industri komponen kereta yang sedia ada, masalah-masalah mereka dan industri-industri komponen kereta yang baru yang boleh kita menceburkan. Dan juga jawatankuasa ini hendaklah menetapkan sasaran-sasaran yang tertentu dan sesiapa sahaja yang mencapai sasaran ini hendaklah dihadaiahkan, hendaklah dipuji dan diberi layanan yang baik. Inilah satu cara untuk memperkembangkan industri komponen kereta.

Cuma satu sahaja saya nampak sekiranya dapat menjayakan industri berat, dapat menjayakan industri Kereta Nasional ini, cuma satu sahaja iaitu industri komponen kereta.

Tuan Yang di-Pertua, sama seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya juga telah menerima banyak rayuan daripada kaum wanita mengenai ketidakadilan serta ketidak saksamaan sistem percukaian yang ada di dalam negara ini. Tetapi sebab musabab bagi ketidakpuasaan mereka bukanlah mengenai pencen. Ianya adalah cara penaksiran cukai pendapatan terutama sekali bagi mereka yang sudah berumah tangga. Kaum wanita merupakan lebih kurang 50% daripada penduduk yang berada di dalam lingkaran working age, Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia. Kadar aggregate penglibatan tenaga buruh kaum wanita di anggar meningkat dari 45.2% dalam tahun 1982 ke 45.8% bagi tahun ini. Malangnya sumbangan serta keusahawanan wanita di dalam sektor ekonomi negara tidak diiktirafkan oleh pihak Kerajaan.

Di bawah Perlembagaan Malaysia rakyat jelata tidak boleh didiskriminasikan atas dasar jantina selain daripada lain-lain faktor, akibatnya kaum wanita Malaysia yang hidup dalam sebuah masyarakat yang masih menyanjungkan status lelaki selalunya

menghadapi diskriminasi dalam berbagai-bagai aspek seperti ekonomi, sosial dan undang-undang. Contohnya dalam Laporan Kementerian Buruh tahun 1982 hanya 0.4% daripada kaum wanita bekerja menyandang jawatan pentadbiran dan pengurusan. Dalam sektor ini kaum wanita membentuk 6.5% daripada jumlah tenaga kerjanya. Professional serta bidang teknik hanya mempunyai 39% ahli wanita berbanding dengan 61% kaum lelaki. Di dalam Perkhidmatan Awam sendiri nilai bagi tahun 1982 adalah 28% ahli wanita dan 72% lelaki. Daripada 28% ini, 52% adalah terlibat dalam kerja kerani, manakala eksekutif-eksekutif membentuk 34% sahaja daripada jumlah besar eksekutif-eksekutif dalam perkhidmatan awam. Mereka yang berada dalam tanggagaji Superscale merupakan hanya 7% sahaja. Di sektor swasta satu kajian ke atas 12 buah syarikat mengemukakan maklumat bahawa daripada 6,741 orang eksekutif dalam syarikat-syarikat tersebut, hanya 965 adalah terdiri daripada kaum wanita. Daripada bilangan ini hanya 5% terdiri daripada Pengurus, Ketua Jawatan atau, dengan izin, 'Functional Heads'.

Dati segi percukaian pula, mengikut Akta Percukaian Pendapatan 1967 (Akta 53), seksyen 45 (4), keusahawanan kaum wanita tidak digalakkan. Di bawah seksyen ini seseorang isteri yang berniaga sendiri (pendapatan sama ada daripada perniagaan sendiri, dividen, sewa dan lain-lain) tidak berhak untuk diberi penaksiran cukai pendapatan yang berasingan daripada suami mereka. Akibatnya, tuntutan relief untuk diri sendiri, KWSP dan insurans yang seharusnya dapat dinikmati oleh pembayaran cukai pendapatan tidak dapat dituntut oleh seseorang wanita yang sudah berumah tangga. Sebaliknya pendapatan seseorang isteri digumpalkan bersama-sama dengan akaun suaminya. Ini jelas

membayangkan bahawa pihak Kerajaan tidak mengiktirafkan identiti seorang isteri sebagai seorang individu yang tersendiri. Mereka dianggap sebagai bayangan suami mereka walaupun setengah-setengah kaum wanita berkebolehan untuk memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Keusahawan harus dipupuk di kalangan kedua-dua kaum lelaki dan wanita tanpa mengira kedudukan pelaminnya. Seseorang isteri adalah seorang individu yang tersendiri yang patut diberi penaksiran percukaian pendapatan yang berasingan daripada suami sebagai galakan keusahawannya. Seksyen 45 (4) ini seolah-olahnya menidakkan keholchan wanita yang sudah berumahtangga memiliki harta seperti saham-saham, rumah dan perniagaan sendiri. Ramai kaum wanita yang sedang giat dalam bidang ekonomi juga merasa bahawa pihak Kerajaan, dalam meluluskan penaksiran percukaian yang berasingan bagi pencen isteri yang bersara atas pilihan, telah dengan tidak langsungnya menggalakkan kaum wanita supaya lebih cepat berpencen supaya beroleh penaksiran percukaian pendapatan yang berasingan. Adakah ini bermakna bahawa keindividuan seseorang wanita yang sudah berumahtangga hanya akan diiktirafkan selepas ia pencen? Secara tidak langsung, undang-undang yang dipinda ini menganggap seseorang isteri sebagai lanjutan suaminya asalkan dia masih bekerja, tetapi sebaik sahaja dia pencen maka wanita tersebut adalah individunya yang tersendiri.

'Gula-gula' yang dihulurkan oleh pihak Kerajaan dalam persoalan ini merupakan satu pil yang pahit untuk ditelan oleh para wanita yang sudah berkahwin dan yang masih bergiat dengan aktifnya dalam sektor ekonomi. Kerajaan Malaysia seharusnya mengikut telunjuk

Kerajaan Negeri Switzerland yang sudah begitu lamanya mengiktirafkan sumbangan kaum wanita kepada ekonomi negara. Hak-hak seorang wanita di Malaysia tidak harus terbantut setakat berhak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukankah di Switzerland wanita tidak dibenarkan mengundi dalam pilihanraya?

Dr Tan Seng Giaw: Sekarang dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baru sahaja tak?

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi di dalam gaji dan sebagainya mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Saya cuma tanya untuk penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Hak-hak seseorang wanita di Malaysia tidak harus terbantut setakat berhak membuang undi dan menerima 'cebisan-cebisan roti daripada dunia 'lelaki ini. Oleh itu, adalah lebih adil sekiranya penaksiran cukai pendapatan wanita yang sudah berumahtangga diasingkan sebagai penghormatan kepada wanita dan demi kepentingan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kasar yang terdiri daripada Hak Pengeluar Khas, kedudukan cadangan Kumpulan Wang Antarabangsa dan pertukaran wang asing dan emas, Bank Negara bagi tempoh masa ini di antara Januari hingga Jun, 1985 dilaporkan bernilai \$10,582.8 juta selepas menolakkan harta luar negeri bank-bank perdagangan, pergerakan bersih dalam cadangan luar negeri bernilai \$7,211.3 juta. Mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan, jumlah cadangan luar negeri bagi tahun 1985 dapat menampung 4 bulan import tanggungan.

Tuan Yang di-Pertua, Singapura mempunyai cadangan luar negeri yang berjumlah US\$10.4 billion, iaitu mengikut kadar pertukaran tahun 1984 adalah sebanyak S\$22.56 billion. Jumlah cadangan luar negeri Singapura, bila dibandingkan dengan jumlah cadangan luar negeri Malaysia, tidak ada tolok bandingannya. Republik Singapura yang mempunyai penduduk hanya 2.53 juta orang dapat menimbulkan hasil yang sebegitu besar sedangkan di Malaysia yang mempunyai bilangan penduduk yang lebih kurang 15.27 juta orang hanya dapat menimbulkan bilangan yang sebegitu kecil. Jika dikira mengikut kadar bilangan penduduk, Malaysia seharusnya dapat menimbulkan sekurang-kurangnya \$136 billion. Jika dikira mengikut kadar bilangan guna tenaga dalam Malaysia yang masih lebih besar daripada jumlah penduduk Singapura, ia seharusnya dapat menimbulkan sebanyak \$69 billion cadangan luar negeri.

Tambahan pula negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak sumber-sumber semula jadi seperti getah, kelapa sawit, petroleum dan gas asli berbanding dengan Republik Singapura yang bergantung kepada perdagangan serta kedudukan pelabuhannya yang strategik. Malaysia seharusnya berpeluang untuk menghasilkan satu jumlah cadangan luar negeri yang sekurang-kurangnya lebih besar daripada yang terdapat sekarang.

Kegagalan Kerajaan Malaysia untuk mengesyorkan bahawa pendapatan yang diperolehi daripada pengeksportan komoditi-komoditi utama digunakan dengan cekap dan berkesannya mungkin faktor penghalang yang terbesar sekali dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan cadangan luar negeri kita.

Di sinilah saya hendak menekankan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ketika

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai cita-cita yang tinggi, cita untuk meningkatkan cadangan kasar antarabangsa, sepatutnya dijadikan satu cita lagi. Kita mempunyai sebegitu banyak barangan-barangan utama, petroleum dan sebagainya, jadi kita mampu untuk meningkatkan cadangan kasar antarabangsa ini. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengira dan menimbangkan cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai hutang negara. Dalam Belanjawan 1986, sejumlah \$30,812 juta akan dibelanjakan. Hasil yang dianggarkan sebelum diambil kira perubahan-perubahan cukai bagi tahun 1986 adalah \$22,121 juta, maka ini bermakna bahawa bagi tahun 1986 Kerajaan telah merancang defisit sebanyak \$8,691 juta, tetapi menurut Carta 2, mukasurat 6, Laporan Ekonomi, hasil Kerajaan adalah \$22,277.076 juta manakala pinjaman dan penggunaan harta bernilai \$8,534.924 juta. Daripada jumlah peruntukan ini, sebanyak \$21,954 juta adalah bagi Perbelanjaan Mengurus, manakala Perbelanjaan Membangun adalah \$8,858 juta. Mengikut nilai hasil dalam Carta 2 ini bermakna bahawa terdapat \$314.076 juta yang masih belum dikemukakan bagi membiayai Perbelanjaan Membangun sebanyak \$8,858 juta. Mengikut laporan yang sama, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.